

**BANDAR LAMA DIRAJA JUGRA, SELANGOR, SEBAGAI  
PUSAT PELANCONGAN: PERSPEKTIF PIHAK  
BERKEPENTINGAN**

**NORALIZA BINTI ZAINUDIN**

**C18B0498**





**BANDAR LAMA DIRAJA JUGRA SELANGOR, SEBAGAI  
PUSAT PELANCONGAN: PERSPEKTIF PIHKAK  
BERKEPENTINGAN.**

**NORALIZA BINTI ZAINUDIN**

**C18B0498**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda  
(Pengajian Warisan) dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

**2022**


## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.




### AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)



### SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972



### TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:

Tandatangan

Nama: Noraliza Binti Zainudin

Tarikh: 26 Februari 2022

Tandatangan Penyelia  
**DR. SURAYA BINTI SUKRI**  
 Senior Lecturer  
 Faculty of Creative Technology and Heritage  
 University Malaysia Kelantan

Nama: Dr. Suraya Binti Sukri

Tarikh: 27/2/2022

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah s.w.t atas limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan, dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Tambahan lagi projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2022.

Pada kesempatan ini juga, saya menghulurkan jutaan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia projek penyelidikan saya yang telah banyak memberi dorongan dan panduan kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat lelah dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dalam menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Allah s.w.t melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada bapa saya iaitu Zainudin Bin Saleh dan ibu saya Hamidah Binti Jamaluddin serta ahli keluarga yang turut membantu saya dalam menyiapkan kajian ini dari segi sokongan moral dan sokongan secara fizikal.

Tidak lupa juga kepada rakan saya turut memberikan bantuan terutama ketika menjalankan kajian dan sering memberi idea, memberi dukungan dan berkongsi maklumat berkenaan kajian ini

Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada informan yang memberikan maklumat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah s.w.t mermudahkan segala urusan kami dan memberikan kejayaan di dunia maupun di akhirat.

Akhir kata, saya juga ingin menghulurkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyelesaikan kajian ini. Semoga kita sentiasa di bawah lindungan Allah

**ISI KANDUNGAN**

	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b>ABSTRACT</b>	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Penutup	8
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Sejarah Jugra	10
2.1.1 Elemen Warisan	10

2.1.2 Definisi Pelancongan	12
2.1.3 Pelancongan Warisan	13
2.1.4 Pembangunan Warisan	15
2.1.5 Pemeliharaan dan Pemuliharaan	17
2.1.6 Masalah Pengurusan	21
2.1.7 Hubungan Komuniti dalam Pelancongan	22
2.1.8 Persepsi Komuniti	23
2.2 Kerangka Teori	23
2.2.1 Teori Semiotik	24
2.3 Penutup	24
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	25
3.1 Pendekatan Kajian	26
3.2 Rekabentuk Kajian	26
3.3 Unit Analisis	27
3.4 Kaedah Kajian	28
3.4.1 Kaedah Kualitatif	29
3.4.2 Kaedah Kuantitatif	29
3.5 Teknik Pengumpulan Data	30
3.5.1 Data Primer	31
3.5.2 Data Sekunder	32
3.6 Pensampelan	33
3.7 Instrumen Data	34
3.8 Analisis Data	37

3.9 Penutup	37
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	38
4.1 Elemen Warisan di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor	39
4.1.1 Tahap pendedahan elemen warisan kepada komuniti	40
4.1.2 Tahap penjagaan elemen warisan	43
4.2 Pihak yang terlibat dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan	45
4.3 persepsi komuniti setempat sebagai pihak berkepentingan mengenai potensi kawasan kajian sebagai kawasan pelancongan	46
4.3.1 Data Demografi Responden	47
4.3.2 Kesedaran komuniti terhadap elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra	50
4.4 Persepsi komuniti terhadap pembangunan pelancongan	50
4.4.1 Persepsi Komuniti Terhadap Elemen Warisan akan lebih terjaga jika ada Pembangunan Pelancongan	54
4.4.2 Persepsi Komuniti Terhadap Pelancongan membuka peluang kearah pembangunan infrastruktur dan ekonomi.	57
4.4.3 Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan pelancongan mampu memberi sumber pendapatan	58
4.5 Persepsi komuniti terhadap aspek keselamatan	61
4.5.1 Persepsi Komuniti terhadap aktiviti pelancongan sedikit sebanyak akan mengganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat	67
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.0 Pengenalan	73

5.1 Kesimpulan dan Cadangan	67
<b>RUJUKAN</b>	71
<b>LAMPIRAN</b>	78

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

NO.		HALAMAN
2.1	Masalah Pengurusan Warisan di Jugra	21
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina Penduduk	46
4.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	46
4.3	Taburan Responden Mengikut umur	47
4.4	Taburan Data Tahap Kesedaran Komuniti terhadap elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra	49
4.5	Taburan Data Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan Pelancongan	50
4.6	Persepsi komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan infrastruktur dan ekonomi	54
4.7	Persepsi komuniti terhadap pelancongan kearah ekonomi	58
4.8	Pihak komuniti kurang senang apabila kawasan kediaman menjadi kawasan tumpuan umum	59
4.9	Aktiviti pelancongan sedikit sebanyak akan mengganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat	61
4.10	pembangunan industri pelancongan cenderung membuka peluang kearah kes jenayah	62

**SENARAI RAJAH**

<b>NO.</b>		<b>HALAMAN</b>
1.1	Peta daerah Kuala Langat dan peta mukim Jugra di Kuala Langat	6
2.1	Model penandaan segitiga teori semiotik	23
3.1	Aliran proses Analisis Data Tematik	34
4.1	Perigi lama yang terbiar	43
4.2	kawasan sekitar perigi lama	43
4.3	Persepsi komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan	51
4.4	Stor Penyimpanan Peluru, Jugra	53
4.5	Stor Penyimpanan Peluru, Jugra terkini	54
4.6	Projek Menurap Sebahagian Jalan dan Pembinaan Longkang di Perkuburan Cina	55
4.7	Projek membina sebuah kiosk di kaki Bukit Jugra Banting	56
4.8	Projek menurap semuala dataran kejat	56

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**BANDAR LAMA DIRAJA JUGRA, SELANGOR, SEBAGAI PUSAT****PELANCONGAN: PERSPEKTIF PIHAK BERKEPENTINGAN****ABSTRAK**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai Bandar Lama Diraja Jugra di negeri Selangor. Bandar Lama Jugra, Selangor mempunyai potensi dari aspek pelancongan berasaskan warisan sejarah, arkeologi, ekologi dan alam semulajadi. Namun begitu, pengurusan pihak berkepentingan dalam memelihara dan memulihara elemen-elemen warisan di kawasan kajian masih dalam tahap tidak memuaskan. Hal ini kerana terdapat kerosakan yang berlaku pada bangunan-bangunan sejarah di Bandar Lama Jugra, namun masih lagi tiada tanda-tanda aktiviti pemuliharaan sehingga kurang menjadi tarikkan kepada pengunjung. Penyelidikan ini juga memberi fokus kepada setiap objektif yang telah dikemukakan yang merangkumi elemen-elemen warisan yang ada dikawasan kajian, pihak yang bertanggungjawab dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dan persepsi komuniti setempat sebagai pihak berkepentingan mengenai potensi kawasan kajian sebagai kawasan pelancongan. Penyelidikan ini juga berpandukan kepada penggunaan teori semiotik dengan menggunakan kaedah campuran. Kaedah ini dilaksanakan dengan menemu bual beberapa informan yang menggunakan pensampelan bertujuan terdiri daripada pegawai Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dan komuniti. Selain itu juga, borang soal selidik turut diberikan kepada 263 orang responden melalui *google form* dengan pensampelan rawak mudah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa potensi Bandar lama Jugra sebagai pusat pelancongan mempunyai kesan yang baik jika pihak berkepentingan memberi Kerjasama. Hasil daripada kajian juga mendapati beberapa cadangan yang sesuai dengan permasalahan kajian yang melibatkan inisiatif yang perlu diambil oleh pihak Majlis Daerah Kuala Langat dalam melibatkan komuniti setempat. Kesimpulannya, terdapat banyak potensi elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra. Walaubagaimanapun usaha keras perlu oleh pihak bertanggungjawab dalam memastikan aspirasi komunikasi dua hala secara telus bersama komuniti setempat.

Kata Kunci: Elemen warisan; Pelancongan; Pihak Berkepentingan

## BANDAR LAMA DIRAJA OF JUGRA, SELANGOR, AS A TOURISM CENTER: STAKEHOLDER PERSPECTIVES

### ABSTRACT

This research is a study on Bandar Lama Diraja Jugra in the state of Selangor. Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor has the potential in terms of tourism based on historical, archaeological, ecological and natural heritage. Nevertheless, stakeholder management in preserving and conserving the heritage elements in the study area is still in unsatisfactory levels. This is because there were deterioration to the historical buildings in Bandar Lama Diraja Jugra, however there is still no sign of conservation activities that are less of an attraction to visitors. This research also focuses on every objective that has been raised which includes the heritage elements available in the study area, the parties responsible for conservation activities and the perception of the local community as stakeholders on the potential of the study area as a tourist area. The research was also guided by the use of semiotic theory using mixed methods. This method is implemented by interviewing several informants using purposive sampling consist of comprising Kuala Langat District Council (MDKL) officers and the community. In addition, questionnaires were also given to 263 respondents randomly using simple random sampling google forms. Overall, the findings of the study found that the potential of Bandar Lama Diraja of Jugra as a tourist central has a beneficial effect if stakeholders cooperate. This Research also suggested, several suggestions that are suitable to the research context involving initiative taken by comprising Kuala Langat District Council (MDKL) in enganging the community. In conclusion, there are many potential heritage elements in Bandar Lama Diraja of Jugra. However, hard work was needed by those responsible in ensuring the aspirations of transparent two-way communication with the local community.

Keywords: Heritage elements; Tourism; Stakeholder

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 PENGENALAN

Malaysia mempunyai pelbagai keunikkan warisannya yang tersendiri sehingga tidak pernah putus mendapat kunjungan daripada pelancong luar. Hal ini kerana, Malaysia termasuk salah satu negara yang sering menjadi sasaran oleh pelancong agar mereka dapat menikmati keindahan warisan yang ada di Malaysia (Mohd Yuszaidy, 2013). Tambahan pula, menurut Yazed Saleh (2010), warisan dapat didefinisikan sebagai warisan semulajadi, warisan budaya, warisan tokoh orang hidup dan juga warisan bawah air. Manakala, jenis warisan terbahagi kepada dua pecahan iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Kedua-dua elemen ini amat penting untuk negara kita yang sedang dalam fasa pembangunan bagi menghadapi persaingan dalam pembangunan negara terutamanya dalam sektor industri pelancongan (Yuszaidy, 2013).

Warisan mempunyai hubung kait dengan peristiwa silam dimana menjadikan sesebuah tempat itu kaya dengan elemen-elemen warisannya sehingga berpotensi menjadi tumpuan kunjungan masyarakat atau pelancong pada generasi akan datang (Adnan Jusoh, 2018). Hal ini dapat dibuktikan dengan sejarah kemasyhuran zaman pemerintahan Sultan Abdul Samad di Jugra, Selangor pada tahun 1857 sehingga 1898. Difahamkan, gaya pentadbiran baginda dengan menerima campur tangan pihak British

telah menjadikan Jugra sebagai tempat yang kaya dengan aset warisan ketara (NoorJannah Adnan, 2016). Hal ini kerana, terdapat beberapa infrasuktur pada zaman tersebut seperti Istana Long Puteri, Istana Jugra, Stor simpanan peluru, Rumah Api Jugra, Pejabat Lama Daerah Kuala Langat, Penjara Lama Jugra, Jeri Pengkalan Batu Hampar, Istana Alaeddin, Masjid Alaeddin dan sebagainya. Tambahan pula, dengan adanya elemen warisan semulajadi di kawasan pemerintahan tersebut seperti Hutan Simpan Dara Bukit Jugra, Sungai Langat, Hutan Paya Bakau dan Berbukit ‘Montane’ sekaligus menjadikan Bandar Lama Diraja Jugra berpotensi diangkat dalam sektor pelancongan (Faimah, 2010).

Kesan daripada peristiwa terdahulu menjadikan elemen warisan budaya dan sektor pelancongan saling berkait rapat antara satu sama lain. Pelancongan digunakan sebagai justifikasi ekonomi untuk pengekalan warisan dan budaya serta sekaligus memberikan pulangan sumber pendapatan yang besar kepada negara. Ini dapat dilihat dari negara jiran kita Indonesia dimana melalui pelancongan warisan negaranya, ia merupakan salah satu faktor penyumbang utama kepada ekonomi negara (Mohd Samsuddin, 2013).

Menurut Mohamed Anwar Omar Din, (2008) bagi menjadikan warisan kearah industri pelancongan, penjagaan sumber warisan haruslah diberi penekanan yang teliti. Kejadian alam dan tindakkan manusia terhadap aset warisan boleh merugikan dan menjadi ancaman kepada masyarakat dan negara. Namun malangnya, peranan Jugra sebagai Bandar Diraja semakin dilupakan setelah kemangkatan Sultan Abdul Samad. Kesan daripada peristiwa tersebut, sebahagian besar daripada monumen bersejarah yang terdapat sekitar kawasan Jugra menjadi uzur dan tiada tindakkan pemuliharaan dan pemeliharaan yang sistematik. Hal ini secara tidak langsung memberi impak negatif kepada nilai warisan dikawasan Bandar Lama Diraja Jugra kerana sehingga masa kini

masyarakat kurang mengenali kawasan yang sarat dengan sejarah tersebut (Adnan Jusoh, 2016).

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Bandar Lama Diraja Jugra yang terletak di negeri Selangor ini merupakan salah sebuah mukim yang berada di daerah Kuala Langat. Kuala Langat ini dipercayai telah wujud lama sebelum berkembangnya zaman pemerintahan Kesultanan Melaka dan dikenali sebagai Bandar Temasya. Tambahan, semasa era Kesultanan Melayu Melaka, Kuala Langat pernah menjadi sebuah bandar persinggahan atau transit yang terkenal. Hal ini kerana, kedudukan bukit yang tinggi dan lokasi yang strategik yang terletak di muara Sungai Langat menjadikannya mudah untuk mengawasi keselamatan serta menjadi sebuah tempat persinggahan para pedagang (Zainab Roslan, 2015). Ini dapat dibuktikan kerana pada tahun 1964, hasil daripada aktiviti ekskavasi yang dilakukan pada kawasan tersebut, ahli arkeologi telah menjumpai sebuah artifak yang berusia kira-kira 2000 hingga 2500 tahun di Kampung Lang.

Menurut Aidatul Fadzlin Bakri (2012) , sejarah Jugra yang terletak di Kuala Langat ini juga berkait rapat dengan era pemerintahan pada tahun 1857 hingga 1898. Difahamkan, Sultan Abdul Samad mendirikan sebuah Istana Jugra tempat kediamannya setelah baginda beraustatin di Jugra. Sejak daripada itu, Jugra sangat terkenal sebagai Bandar Diraja dan menjadi pusat pentadbiran yang pertama di Selangor.

Selain sarat dengan sejarah, Bandar Lama Jugra memiliki beberapa elemen warisan yang berpotensi sebagai industri pelancongan yang dipercayai mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dan ekonomi negara. Antaranya elemen warisan sejarah yang cenderung berpotensi kepada arkeo- pelancongan dan elemen warisan semulajadi (Eko-pelancongan) (Zainab Roslan, 2015).

Namun, sejajar dengan teknologi dan peredaran zaman, terdapat beberapa bangunan warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra rosak dan di tinggalkan terbengkalai tanpa ada aktiviti pemuliharaan. Misalnya Istana Lama Jugra. Istana ini merupakan kediaman rasmi Sultan Abdul Samad serta merupakan Istana tertua di Selangor. Keadaan Istana ini usang dan difahamkan menjadi tempat sarang aktiviti tidak bermoral masyarakat sekitar seperti dadah (Zuliskandar Ramli, 2015). Pihak berkepentingan seharusnya memainkan peranan dalam melaksanakan aktiviti- aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap tinggalan warisan yang ada supaya ianya masih boleh kekal menjadi atau bukti tentang kewujudan Era Kesultanan Melayu Melaka dan Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Samad pada generasi akan datang (Aidatul Fadzlin Bakri, 2012).

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian merupakan isu dan juga perkara yang ingin dikaji dalam suatu penyelidikan. Kajian yang dilakukan secara umumnya mengenai Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan. Namun untuk mengangkat Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan bukannya mudah kerana terdapat beberapa faktor masalah yang menyebabkan kajian ini harus diteruskan. Hal ini kerana terdapat beberapa kerosakkan yang berlaku pada bangunan- bangunan sejarah di Bandar Lama Jugra, namun masih lagi tiada tanda-tanda aktiviti pemuliharaan. Contohnya, beberapa bangunan lama selain Istana Bandar, Sekolah Kebangsaan Bandar dan Penjara Jugra ditinggalkan terbengkalai dan paling menyediakan adalah papan tanda Makam Sultan Abdul Samad sijumpai berkarat dan telah rosak disebabkan faktor persekitaran (Ah Choy Er, 2016).

Secara umumnya, Bandar Lama Jugra, Kuala Langat Selangor mempunyai semua aset warisan berharga yang sangat berkaitan dengan latar belakang sejarahnya. Banyak

aset yang telah direkodkan dan telah dikategorikan dengan sewajarnya, namun ia tidak diuruskan secara sistematik (Aidatul, 2012). Tidak dinafikan menguruskan aset warisan memerlukan rancangan pengurusan yang yang komprehensif. Hal ini bagi memastikan semua warisan yang ada dikawasan tersebut tidak diancam kepupusannya untuk tatapan generasi akan datang. Oleh hal demikian, pihak berkepentingan hendaklah mencari cara atau jalan bagi menangani segala permasalahan yang telah dibangkitkan (Aidatul, 2012).

Walaupun terdapat beberapa elemen-elemen tinggalan warisan yang ada di Bandar Lama Jugra, misalnya dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada 2008 Masjid Alaeddin Shah yang telah didaftarkan oleh Jabatan Warisan Negara, namun malangnya dicatatkan masih ramai lagi masyarakat tempatan yang tidak mengetahui kewujudan tempat yang penuh dengan sejarah ini (Aidatul, 2012).

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji telah membina beberapa persoalan bagi mendapatkan idea untuk membentuk objektif kajian dalam kajian berkaitan Bandar Lama Diraja Jugra Selangor sebagai pusat pelancongan dari sudut perspektif pihak berkepentingan. Antara persoalannya adalah:


1. Apakah jenis elemen-elemen warisan tinggalan sejarah yang ada pada kawasan kajian sehingga berpotensi dijadikan pembangunan industri pelancongan.
2. Siapakah pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam melakukan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Bandar Diraja Jugra, Selangor.
3. Bagaimanakah pandangan komuniti setempat mengenai Bandar Lama Diraja Jugra.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah membentuk beberapa objektif kajian sebelum menjalankan kajian mengenai Bandar Lama Diraja Jugra Selangor sebagai pusat pelancongan dari sudut perspektif pihak berkepentingan. Beberapa objektif kajian juga telah digariskan dan diteliti sebaiknya untuk menjawab persoalan kajian seperti yang dipaparkan dibawah:

1. Mengkaji elemen-elemen warisan yang ada dikawasan kajian.
2. Mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan-bangunan dan tapak warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor.
3. Menganalisis persepsi komuniti setempat sebagai pihak berkepentingan mengenai potensi kawasan kajian sebagai kawasan pelancongan.

## 1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1(a) Peta daerah Kuala Langat dan 1(b) peta mukim Jugra di Kuala Langat  
Sumber: Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2007

Skop kajian merupakan perkara utama dalam sesuatu kajian yang ingin dijalankan berdasarkan beberapa faktor. Skop kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah merangkumi Bandar Lama Diraja Jugra selangor sebagai pusat pelancongan dari sudut

perspektif pihak berkepentingan. Rajah 1 (a) dan 1(b) merupakan tapak pemilihan lokasi untuk memberi tumpuan kepada kawasan sekitar Bandar Lama Diraja Jugra yang mempunyai beberapa elemen- elemen tinggalan sejarah yang dikatakan meliputi warisan budaya bersejarah, arkeologi dan ekologi semulajadi yang ada pada sekitar kawasan tersebut. Selain itu, kajian ini juga memberi fokus kepada komuniti setempat terutama dikawasan kampung Sungai Buaya tentang kawasan tersebut kerana komuniti di sekitar kawasan tersebut lebih mengetahui dan memahami selok- belok kawasan dan cerita disebalik sejarah dikawasan kajian. Statistik populasi penduduk Kuala Langat terutama dikawasan Jugra telah melebihi angka 300 ribu orang dengan majoriti penduduk terdiri daripada kumpulan etnik Melayu, Cina dan diikuti oleh kaum India dan lain-lain serta ada sebahagian kecil kumpulan etnik Orang Asli. Seramai 7,371 orang dianggarkan dengan majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu populasinya (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013). Akhir sekali, skop kajian tertumpu kepada Majlis Daerah Kuala Langat. Hal ini untuk bertanya mengenai siapakah individu atau pihak bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan dan kesejahteraan dikawasan Bandar Lama Diraja Jugra tersebut.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai matlamat dan peranan yang sendiri berdasarkan kepada objektif yang telah ditentukan oleh pengkaji. Kepentingan kajian yang diperolehi hasil dari kajian yang dilaksanakan adalah merangkumi beberapa pihak yang terlibat iaitu seperti pengkaji. Tambahan pula, dengan beberapa kaedah metodologi yang akan digunakan, pengkaji akan didedahkan secara langsung temubual dan pemerhatian yang akan dijalankan. Selain itu, kajian ini mampu memberi ruang kepada pihak yang bertanggungjawab dan yang mempunyai kaitan dengan warisan untuk lebih peka akan nilai sesuatu sejarah atau warisan supaya ianya dijaga secara adil agar tidak hanya fokus pada tempat tertentu sahaja.

Selain itu, kepentingan kajian ini akan dapat memberi ruang kepada masyarakat dan juga komuniti setempat di Bandar Lama Diraja Jugra untuk lebih memahami dan menghargai tempat yang mempunyai nilai sejarah yang akan berguna kepada generasi akan datang. Hal ini kerana, tempat tersebut ada tanda-tanda berlakunya vandalisme yang berkemungkinan besar dilakukan oleh pengunjung atau penduduk berhampiran dengan kawasan tersebut.

Akhir sekali, kajian ini juga akan memberi impak dan rujukan kepada para pelajar dan pihak Universiti Malaysia Kelantan. Hal demikian kerana, kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan corak budaya masyarakat, warisan budaya dan konsep pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap sesuatu warisan.

## **1.7 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bahagian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji. Segala proses dan aturan ini amat penting bagi peringkat awal kajian untuk mengenalpasti dengan lebih terperinci mengenai isu-isu dan hala tuju yang menjadi permasalahan dalam kajian ini. Tambahan pula, elemen-elemen tersebut menjadi kayu ukur kearah kejayaan pengkaji dalam penghasilan penulisan kajian yang lebih sistematik, efisien dan mampu memberi manfaat terhadap diri serta masyarakat setempat.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil daripada pelbagai kajian lepas yang mengkaji mengenai potensi yang ada pada warisan negeri di Malaysia untuk dibawa kearah pembangunan pelancongan. Selain itu membincangkan tentang persepsi komuniti tempatan terhadap pelancongan berasaskan warisan yang akan dibangunkan di kawasan tempat tinggal mereka. Selain itu, bahagian ini akan membincangkan sorotan kajian tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan Bandar Lama Diraja Jugra Selangor sebagai pusat pelancongan dari sudut perspektif pihak berkepentingan. Bandar Lama Diraja Jugra mempunyai pelbagai jenis warisan tinggalan bersejarah dikawasan tersebut. Oleh sebab demikian kawasan itu sangat berpotensi jika dijadikan sebagai pusat pelancongan. Bagi menjayakan usaha ini, ianya memerlukan bantuan beberapa pihak berkepentingan untuk memastikan pelancongan yang berunsurkan elemen warisan budaya bersejarah, arkeologi dan ekologi semulajadi ini Berjaya pada masa akan datang. Maka dalam penyediaan kajian, maka pengkaji perlu memastikan kajian yang ingin dilakukan perlulah berkaitan dan mempunyai gambaran yang menyeluruh. Oleh itu pengkaji telah memilih kajian Bandar Lama Diraja Jugra sebagai Pusat Pelancongan (pihak berkepentingan). Melalui kajian lepas, terdapat pelbagai faktor yang mendorong sesebuah kawasan itu layak untuk dijadikan pusat pelancongan.

### 2.1.1 SEJARAH JUGRA

Sejarah Kuala Langat mempunyai kaitan rapat dengan sejarah Negeri Selangor, seperti Jugra, yang berada di Kuala Langat, pernah menjadi ibu kota kerajaan dan pentadbiran untuk Selangor. Ini berlaku semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad ibni Almarhum Raja Abdullah, generasi keempat yang memerintah raja, antara tahun 1857 sehingga 1898. Sebelum itu, pusat pentadbiran pernah berada di Kuala Selangor. Yang Mulia adalah orang yang bertanggungjawab membina Istana Jugra dan tinggal di sana bermula pada tahun 1875. Sejak itu, Kuala Langat dikenali sebagai Bandar Diraja dan merupakan hab politik, sosial dan pembangunan Selangor. Ini disebabkan lokasi geografinya, yang berada di sepanjang muara pantai dan sungai. Untuk itu, Bukit Jugra bukan sahaja terkenal oleh penduduk tempatan, tetapi kepada pedagang dari China, Semenanjung Arab dan Eropah (Aidatul, 2014).

Menurut Aidatul (2014), Jugra juga menyaksikan peristiwa yang sangat penting dalam sejarah Malaysia, di mana ia menandakan bermulanya pemerintahan British di Negeri Selangor. Berdasarkan perjanjian yang telah dilakukan antara Yang Mulia Sultan dan salah seorang bangsa British pada 8 Februari 1874, negeri Selangor telah membuat kesepakatan memilih seorang Residen Inggeris yang akan memberi nasihat dalam segala urusan pentadbiran di Selangor. Kemudian, fungsinya sebagai pusat pentadbiran tempatan diambil alih oleh daerah Banting, dan Sultan telah menjadikan Klang sebagai kediaman resminya. Selepas peristiwa itu, tidak banyak yang mengenai tempat itu, dan lebih sedikit catatan yang dibuat mengenai Bandar Lama Diraja Jugra.

### 2.1.2 ELEMEN WARISAN

Bandar Lama Diraja Jugra sangat terkenal dengan sejarahnya yang tersendiri. Secara umumnya, terdapat beberapa bekas jejak peninggalan kerabat Diraja yang masih ada ini

menjadi faktor sumbangan bukti warisan di Jugra yang mempunyai elemen warisan budaya bersejarah, arkeologi dan ekologi semulajadi (Zainab Roslan, 2015).

Landskap arkeologi merujuk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005, dibawah seksyen 2, dimana merangkumi monumen, objek warisan, tapak warisan, rizab dan relik arkeologi. Landskap arkeologi merupakan warisan sejarah yang mempunyai kesan aktiviti manusia masa lampau yang tidak dapat di tukar ganti (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2010). Manakala eko-pelancongan adalah pelancongan berdasarkan alam semulajadi yang dapat mengelakkan kerosakan alam sekitar dan membantu kerosakan sedia ada tidak dapat dilakukan (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 1996).

Terdapat lebih daripada sepuluh elemen warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra yang mampu menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pelancongan. Antaranya adalah tapak arkeologi dimana tapak yang hasil ekskavasi yang dilakukan di Bukit Jugra 1964, menjumpai beberapa artifak seperti perigi lama, serpihan tembikar, alat logam dan serpihan jubin lama yang dipercayai telah wujud sekitar 2000 – 2500 tahun terdahulu. Selain itu elemen warisan seperti Istana Long Puteri, Istana Jugra, Makam Al Marhum Sultan Abdul Samad, Istana Bandar, Pangkalan Jeti Batu Hampar, Rumah Api Bukit Jugra, Pejabat Daerah lama Kuala Langat, stor simpanan peluru pada zaman British, Penjara lama Jugra, Masjid Alaeddin Suleiman Shah, Sekolah Kebangsaan Bandar (Warisan Negeri Selangor, 2013).

Seterusnya, Bandar Lama Diraja Jugra juga mempunyai elemen warisan semulajadi dimana sesuai dijadikan pusat pelancongan dari segi Eko-pelancongan seperti Hutan Simpanan Dara Bukit Jugra, Sungai Langat, Hutan Paya Bakau, alam semulajadi fizikal yang berbentuk ‘Montane’. Kesemua elemen ini mempunyai habitat ekosistem

semulajadi tersendiri yang perlu dipulihara bagi mengelakkan ianya terancam dengan pembangunan haram (Warisan Negeri Selangor, 2013).

Secara umumnya, kawasan Jugra juga mempunyai elemen semulajadi fizikal seperti Bukit Jugra yang mempunyai tiga puncak bukit yang menempatkan elemen-elemen warisan sejarah. Bahkan pada masa kini, dipuncak bukit ini terkenal dengan aktiviti sukan paragliding.

Pemandangan dari puncak ketiga Bukit Jugra ini mempamerkan keindahan Sungai Langat, Pantai Kelanang dan Morib dimana ianya sesuai sebagai pusat pelancongan pantai (Zainab Roslan, 2015). Kesimpulannya, Bandar Lama Diraja Jugra, Kuala Langat sangat sesuai dijadikan sebagai kawasan pelancongan kerana mempunyai elemen-elemen warisan yang mampu menyumbang kepada pelancongan arkeologi, pelancongan ekologi, pelancongan warisan, pelancongan pendidikan dan pelancongan industri (kraftangan).

### **2.1.3 DEFINISI PELANCONGAN**

Pelancongan warisan didefinisikan sebagai pelancongan yang melibatkan unsur tradisional dan nilai sejarah bagi mendorong para pengunjung untuk datang berkunjung di tempat-tempat bersifat warisan seperti bangunan sejarah, tinggalan tapak bersejarah, tapak arkeologi, artifak dan kebudayaan tradisional (A. Ghafar Ahmad 2000). Selain itu, Malaysia (2014) mendefinisikan pelancongan sebagai satu bentuk aktiviti bagi seseorang individu yang keluar dan berada di luar daripada kawasan persekitarannya tidak melebih dari satu tahun untuk melakukan aktiviti makan angin, perniagaan dan sebagainya (World Tourism Organisation (WTO ,1993)

Secara umumnya pelancongan dan melancong mempunyai definisi yang berbeza serta mempunyai maksud yang tidak sama. Hal ini kerana, Menurut Kamus Dewan Edisi

Keempat, melancong membawa maksud melawat sambil melihat-lihat atau dikenali sebagai bersenang-senang (Dewan Bahasa dan Pustaka., 2017). Manakala pelancongan pula berasal daripada maksud lancong ataupun melancong. Berdasarkan pencarian melalui Oxford Advanced Learner's Dictionary dalam bahasa Inggeris pelancongan atau dikenali sebagai Tourism yang bermaksud aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan tempat tinggal, perkhidmatan dan hiburan untuk orang yang mengunjungi tempat untuk bersantai (Press, 2020).

#### **2.1.4 PELANCONGAN WARISAN**

Secara umumnya, kebanyakkan warisan di seluruh dunia telah menjadi keutamaan bagi negara mereka. Dalam pembangunan pelancongan, warisan dikategorikan sebagai salah satu aktiviti warisan yang boleh digabungkan dengan pelancongan rekreasi dan sebagainya. Pada masa kini, dapat dilihat bahawa pelancongan warisan lebih popular dalam sektor pelancongan (Mohammad Zaki, 2014).

Pelancongan warisan secara umumnya, merupakan satu bentuk pelancongan bagi melopori segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada orang-orang lama terdahulu seperti kebudayaan, kesenian, sejarah, artifak, alam semulajadi dan lain-lain (Razak, 2006). Difahamkan, sejarah merupakan salah satu yang dianggap sebagai produk pelancongan warisan. Pihak berkuasa terutamanya di negara Eropah kian giat berusaha menjadikan sejarah ditempat mereka sebagai satu produk pelancongan sejak berabad-abad lamanya. Menurut National Trust for Historic Preservation (2011), para pelancong gemar dan tertarik untuk menerokai tempat-tempat dan aktiviti yang banyak memaparkan kesahihan kehidupan masa lampau. Disebabkan hal itu la, landskap budaya, pemuliharaan dan pemeliharaan rupa bentuk sejarah menjadi tarikkan mereka.

Antara kepentingan pelancongan warisan adalah menjadi sumber utama dalam pendapatan negara. Sumber pendapatan akan lebih baik serta berpeluang mewujudkan pasaran kerja jika usaha menarik lebih ramai pelancong ke negara dilakukan secara tersusun. Menjaga asset warisan merupakan perkara yang penting kerana terdapat beberapa kajian membuktikan bahawa para pelancong yang berminat tentang sejarah warisan, akan menetap lebih lama dan berbelanja lebih berbanding kumpulan pelancong yang bertujuan untuk beristirehat dan tuntutan kerja (Sulong Mohammad, 2013).

Selain itu pelancongan berasaskan warisan, merupakan antara jenis pelancongan dimana ruang warisan itu sendiri adalah fokus utama bagi warisan sekaligus sebagai faktor motivasi utama kepada pelancong atau pelawat. Misalnya, Berdasarkan kepada trend peningkatan kedatangan pelancong ke Malaysia, maka jelaslah di sini bahawa potensi tapak-tapak berasaskan warisan yang ada di Malaysia ini untuk dilawati amat tinggi. Contoh dapat kita lihat adalah negeri Melaka, sebanyak 5.03 peratus peningkatan kedatangan jumlah pelancong ke negeri tersebut pada tahun 2014. Seterusnya, pelancongan warisan juga boleh dibahagikan kepada arkeo-pelancongan dan eko pelancongan. Dimana arkeo-pelancongan merupakan pelancongan yang menjadikan landskap arkeologi sebagai kunci motivasi kepada para pelancong untuk datang berkunjung ke sesuatu destinasi (Ya'qoob Salim, 2008).

### **2.1.5 PEMBANGUNAN PELANCONGAN**

Menurut Mohammad Zaki (2008), pelancongan juga bermula pada tahun 1990, fenomena ekonomi dan sosial mula berkembang secara besar-besaran di seluruh dunia bagi mengenali kawasan-kawasan baru yang masih belum dikunjungi. Pendapatan sesebuah negara dapat dijana melalui perkembangan industri pelancongan. Menurut Ashworth, (1990) negara yang menuju kearah pembangunan merupakan salah satu tempat tumpuan

yang perlu dilawati oleh para pelancong mahupun pelancong luar atau tempatan bagi menarik minat mereka terhadap tinggalan sejarah yang ada. Seterusnya, Menurut Suzita Wan Ibrahim et al. (2015) aspek sosial, ekonomi, politik, fizikal, teknologi dan budaya mampu membuat penghasilan ekonomi yang tinggi kepada negara disebabkan pelancongan merupakan industri yang penting kepada negara

Industri pelancongan yang bukan sahaja di Malaysia mahupun luar negara merupakan antara industri yang berkembang pesat sejajar dengan pembangunan pemodenan (Zuliskandar Ramli, 2015). Pada tahun 2013 melalui laporan penyelidikan tahunan The World Travel and Tourism Council (WTTC) bersama sahabat strategik mereka iaitu Oxford Economics, Travel and Tourism's mereka berjaya membuktikan industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 9.5% daripada jumlah GDP dunia. Pelancongan berasaskan warisan sangat berpotensi dalam bidang pelancongan di Malaysia. Promosi terhadap aspek pelancongan warisan ini masih lagi rendah walaupun bidang pelancongan warisan ini bukanlah perkara yang baru dalam negara Malaysia. Warisan budaya ketara dan tidak ketara serta warisan semulajadi merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan. Difahamkan sebanyak 25.7 jumlah pelancong yang mengunjungi Malaysia pada tahun 2013 dan pada Tahun Melawat Malaysia 2014, pelancong yang melawat berjumlah 28 juta orang (Zulikskandar,2015).

Menurut Mohamed Anwar Omar Din (2008), Pelancongan sejarah, pelancongan budaya, pelancongan etnik, pelancongan rekreasi dan pelancongan persekitaran adalah dibawah lima kategori pelancongan yang telah dibahagikan.persembahan, gaya hidup, warisan budaya, seni bina dan segala unsur yang mencirikan gaya hidup masyarakat merupakan antara tarikan utama kepada pelancongan.

## 2.1.6 PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN

Persidangan Warisan Dunia UNESCO (1972) dengan tegas telah menyatakan bahawa Warisan budaya dan alam semulajadi semakin terancam oleh kemusnahan, bukan sahaja disebabkan kerosakan secara tradisional, tetapi juga oleh sebab perubahan keadaan sosial dan ekonomi. Pemusnahan atau kehilangan budaya atau alam semulajadi ini akan mengakibatkan kepupusan. Tanpa pengurusan dan perancangan yang sistematik dan berkesan, kemusnahan dan kepupusan sumberjaya warisan boleh berlaku. Justeru bagi mengelakkan kepupusan daripada berlaku, usaha gigih yang berterusan bagi memelihara dan memulihara segala warisan yang ada hari ini perlulah diambil dan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Terdapat beberapa definisi yang dikemukakan dalam artikel ini. Antaranya adalah aset warisan berkemungkinan termasuk monumen, batu bersejarah, peninggalan perang dan jambatan (Saidatulakmal dan Fernandez, 2011). Menurut mereka, kesemua aset yang disenaraikan ada di dalam kawasan Bukit Jugra dan berhadapan dengan masalah aspek pengurusan. Manakala, menurut Blondal (2003) mendefinisikan aset warisan sebagai apa-apa sahaja monumen atau bangunan dan tapak arkeologi dengan kepentingan sejarah bersama dengan pengumpulan dokumen serta kandungan lain dari muzium dan galeri. Seterusnya, Jabatan Komuniti dan Kerajaan tempatan, UK (2010) telah mendefinisikan aset warisan sebagai bangunan, monumen, tapak, tempat kawasan atau landskap yang secara postifinya

Beberapa pendekatan yang boleh digunakan bagi mengekalkan kelestarian sesuatu budaya atau tinggalan sejarah terdahulu. Antara pendekatan yang boleh digunakan untuk keseimbangan antara peninggalan moden dan pembangunan moden adalah ‘pemuliharaan bandar’ (Yazeed Saleh, 2019). Selain itu, dalam usaha perancangan

pemuliharaan sesuatu warisan, peranan kerajaan tempatan amat penting. Hal ini kerana kerajaan tempatan berpengaruh dan mempunyai kekuatan dalam peruntukkan perundangan terutama bagi kawasan-kawasan yang termaktub dalam Rancangan kawasan. Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan adalah tertakluk dalam subseksyen (2) yang bersesuaian dengan Akta 645 iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005. Mengikut Akta Warisan Kebangsaan (2005), menyatakan urusan menyediakan atau mengeluarkan dasar, arahan atau pernyataan dengan apa-apa perkara, strategi atau pengendalian pemuliharaan dan pemeliharaan adalah dibawah tanggungjawab menteri.

Walaubagaimana pun, sebelum sesuatu aset warisan itu dipulihara, pihak yang berkenaan haruslah mengenal pasti jenis aset warisan yang ada di kawasan yang hendak dibangunkan. Seperti Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dengan mengenalpasti kepentingan budaya yang diiktiraf harus diuruskan sebagai tapak warisan. Maka dengan data yang diperolehi Bukit Jugra mempunyai kesemua sifat yang diperlukan, Bukit Jugra adalah tempat yang mempunyai kepentingan budaya.

Menurut Saidatulakmal dan Fernandez (2011), Sebilangan besar semua aset yang disenaraikan berikut berisiko merosot kerana dana dan sumber daya yang tidak mencukupi untuk pengurusannya. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan tapak, monument dan warisan semulajadi yang ada di Bandar lama Diraja Jugra yang ditinggalkan terbengkalai tanpa ada pengurusannya yang sewajarnya terutama kepada kawasan arkeologi, tapak peninggalan perang seperti stor penyimpanan peluru dan lain-lain lagi.

## 2.1.7 MASALAH PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

Secara jelasnya, beberapa pengakaji telah mengatakan antara sebab pengkaji ingin melakukan kajian terhadap Bandar Lama Diraja Jugra, Kuala Langat kerana terdapat beberapa kerosakan yang berlaku pada bangunan-bangunan sejarah di Bandar Lama Jugra, namun masih lagi tiada tanda-tanda pemuliharaan. Contohnya, beberapa bangunan lama selain Istana Bandar, Sekolah Kebangsaan Bandar dan Penjara Jugra ditinggalkan terbengkalai dan paling menyedihkan adalah papan tanda Makam Sultan Abdul Samad sijumpai berkarat dan telah rosak disebabkan faktor persekitaran (Ah Choy Er, 2016).

Proses pengurusan aset warisan dimulakan dengan mengenal pasti aset warisan. Seperti yang dipromosikan di The Piagam Burra 1999 (Piagam ICOMOS Australia untuk Tempat-tempat Kepentingan Budaya) dan Akta Warisan Nasional 2005 (Akta 645), mana-mana tempat dengan kepentingan budaya yang diiktiraf harus diuruskan sebagai tapak warisan, dan Bukit Jugra, dengan semua sifatnya, adalah tempat yang mempunyai kepentingan budaya. Di bawah Artikel 2 Pemeliharaan dan pengurusan, Artikel 3 Pendekatan berhati-hati dan Artikel 4 Pengetahuan, kemahiran dan teknik, Piagam Burra, disebutkan bahawa tempat kepentingan budaya harus dipelihara dan berjaya dengan tujuan untuk mengekalkan kepentingannya. Tempat itu harus dijaga, dan sebahagian dari barang yang baik amalan pengurusan adalah untuk memastikan bahawa laman web ini tidak berisiko atau dibiarkan dalam keadaan terdedah, dan ini termasuk mendedahkannya kepada perubahan yang tidak dapat dipulihkan. Disebutkan juga bahawa setiap pendekatan yang diambil pemuliharaan dan pengurusan harus dilakukan dengan campur tangan paling minimum, dan apa-apa perubahan pada kainnya harus dielakkan. Pengetahuan dan kemahiran tradisional penduduk tempatan harus dirujuk dan diberi keutamaan dalam mengambil tindakan pengurusan.

Masalah pengurusan adalah antara aspek yang perlu dibincangkan kerana mereka menentukan organisasi kawasan Jugra. Saat ini, warisan yang ada di Jugra berada di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Ia mempunyai lebih daripada satu pemegang kepentingan di mana setiap pihak berkepentingan bekerja dalam skop mereka sendiri. Kesan daripada mempunyai terlalu banyak pemangku kepentingan dalam satu bidang adalah bahawa ia boleh menyebabkan konflik di antara mereka, kerana berbeza arah, objektif dan pendekatan yang digunakan untuk pengurusan kawasan. Pemilikan dan pengurusannya kompleks di Bukit Jugra, memandangkan ukuran dan sifat tapak warisan ini. Sebahagian besar harta tanah dan tanah adalah di bawah hak milik individu persendirian. Namun, pada masa ini tidak ada organisasi khusus yang mengurus, mengawasi atau memberi nasihat di Laman Bukit Jugra sebagai entiti individu. Oleh sebab demikian, sebahagian elemen warisan seperti Istana Lama tidak dipulihara dan di biarkan terbengkalai serta menjadi sarang dadah akibat kegiatan tidak bermoral penduduk di sekitar kawasan tersebut (Aidatul Fadzlin, 2012).

Perancangan juga merupakan aspek yang perlu dikaji semula di Bukit Jugra. Masalah utama dalam perancangan Bukit Jugra adalah sistem top-down dalam pengurusan mereka dengan wujudnya Kerajaan Negeri Selangor pihak berkuasa tertinggi, dan dalam kebanyakan kes, pembuat keputusan. Selalunya, keputusan dibuat oleh pihak atasaran pengurusan dengan sedikit pengetahuan kontekstual di peringkat akar umbi

Isu	Penerangan
Penyelarasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan koordinasi</li> <li>• Pencegahan kepentingan</li> </ul>
Perancangan	Menggunakan pendekatan “Top- Down”
Dana	Setiap pihak berkepentingan mengeluarkan dana sendiri.
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan kepakaran maklumat dan pengetahuan penyelenggaraan dan kaki tangan</li> <li>• Pemilikkan tanah berbeza-beza di setiap lokasi</li> <li>• Kekurangan kenaikan pangkat</li> </ul>

Jadual 2.1 : Masalah Pengurusan Warisan di Jugra

Sumber : Majlis Daerah Kuala Langat (2014)

### 2.1.8 HUBUNGAN KOMUNITI DALAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN DI MALAYSIA

Mengamalkan suatu tahap otonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, mencenderungkan diri dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan, bertanggungjawab serta mempunyai kaitan rapat dalam aspek kehidupan adalah definisi yang sesuai bagi komuniti (Yahaya, 2007). Sesuatu perkara yang subjektif dan mengkaji tentang pembangunan mengikut tafsiran dalam konteksnya sendiri adalah definisi bagi pembangunan. Oleh yang demikian, pelbagai definisi telah ungkapkan dan terpulang kepada masyarakat melihat dari sudut perspektif dan konteks penggunaan mereka. Ungkapan ‘pembangunan’ sering mempunyai takrifan yang bertindan maksudnya dengan ‘pertumbuhan’ ‘kemajuan’ dan ‘pemodenan’ sedangkan kesemua ini adalah merupakan tahap-tahap dalam proses pembangunan (Yahaya, 2007).

Berdasarkan sudut pembangunan pelancongan dari aspek sosial yang melibatkan masyarakat dalam proses pembangunan dapat mencenderungkan serta mengasah dan memberi didikan komuniti setempat untuk biasa bertutur dalam bahasa luar daripada zon

selesa mereka seperti berkomunikasi dalam bahasa inggeris dengan para pelancong (Norlida Hanim Mohd Salleh, 2017). Cara hidup penduduk akan meningkat dengan adanya pembangunan pelancongan di kawasan tempat tinggal mereka. Matlamat dan objektif perkara ini tidak lain untuk kebaikan komuniti, negara dan pelancongan itu sendiri. Jelaslah dilihat bahawa hubungan komuniti dalam kelangsungan pembangunan pelancongan adalah saling berkait agar tiada kepincangan dalam merealisasikan industri pelancongan dengan lebih jaya.

### **2.1.9 PERSEPSI KOMUNITI TEMPATAN**

Keutuhan ekonomi pelancongan bukan sahaja bergantung kepada daya tarikan alam semulajadi dan promosi besar-besaran semata-mata, tetapi juga bergantung pembangunan pelancongan serta kepada kesediaan komuniti tempatan menerima dan melayan para pelancong yang datang (Ibrahim, 2001). Oleh yang demikian, penglibatan penduduk tempatan atau komuniti ini merupakan satu sokongan moral terhadap sektor pelancongan yang juga menggambarkan kemahuan komuniti tempatan melibatkan diri. Sebagaimana yang kita maklum, komuniti tempatan yang berada disesebuah kawasan yang terlibat mempunyai peranannya yang tinggi dalam membangunkan pembangunan pelancongan yang memerlukan hubungan antara komuniti dengan komuniti yang lain. Misalnya kedatangan pelancongan dalam sesuatu tempat pelancongan memerlukan pemandu pelancong dan juga penduduk tempatan dalam berinteraksi dan juga kenalan untuk berhubung dalam aktiviti pelancongan.

Penglibatan daripada orang awam, pihak berkepentingan, komuniti tempatan, pembuat dasar dan kerajaan adalah sangat mempengaruhi sebuah pembangunan industri pelancongan warisan tersebut dapat dikembangkan dan dimajukan. Hal ini bertujuan untuk mengetahui bahawa adakah pihak berkenaan memberi tindak balas positif atau

sebaliknya. Demikian kerana, Kejayaan dan kemampuan sebuah pembangunan pelancongan berpacu kepada sikap komuniti tempatan bagi mengelakkan masalah dihari mendatang (Sajad dan Mahdi, 2011).


Disamping itu, kesan penglibatan penduduk dalam aktiviti pembangunan adalah salah dari elemen- elemen terpenting dalam pembangunan pelancongan sesuatu kawasan atau bandar adalah campur tangan penduduk setempat. Selain memberi manfaat kepada sektor pembangunan industri, malah ianya juga secara tidak langsung memberi faedah kepada warga setempat (Scheyvens, 2000 dan Dowling, 2002). Peningkatan taraf ekonomi, budaya dan sosial penduduk merupakan kesan daripada penglibatan komuniti setempat jika berjaya melibatkan diri dalam pembangunan. Hal ini kerana Penduduk tempatan la yang akan mendapat ganjaran dan hadil daripada tempat warisan sejarah kelahiran mereka sendiri seperti mendapat peluang pekerjaan atau menjana pendapatan dengan melakukan aktiviti perniagaan yang berunsurkan pelancongan (Buhalis, 2003). Seterusnya dengan adanya penglibatan yang positif oleh komuniti ia sekaligus memberi fahaman dan pengetahuan kepada komuniti untuk lebih menghargai warisan.

Menurut Aidatul Fadzlin Bakri (2014), Penyertaan masyarakat tempatan adalah penting kerana merekalah yang mempunyai kearifan tempatan terutama ketika melibatkan aset warisan. Memperkasakan serta melibatkan mereka dalam perancangan dan pengurusan dapat memupuk rasa tanggungjawab yang lebih besar terhadap harta pusaka. Tambahan pula, mereka lebih arif dan selok belok serta sejarah yang ada di tempat kelahiran mereka.

Secara umumnya, apabila aktiviti pembangunan pusat pelancongan tidak melibatkan komuniti tempatan, ianya akan menimbulkan beberapa masalah dikemudian hari. Menurut Encik Norakmal bin Omar, pihak penolong kurator Muzium Jugra In-Situ (sebelum ini Balai Polis Jugra), penglibatan masyarakat hanya terhad untuk memberikan

maklumat lisan mengenai sejarah Jugra. Bilangan warga emas yang hidup di era yang sama dengan Jugra yang mulia juga sangat kecil. Sebilangan besar hanya remaja dan tidak melakukan usaha yang cukup daripada maklumat lisan yang diberikan oleh warga emas harus disahkan terhadap maklumat yang diperoleh dari Arkib Negara untuk memastikan kesahihannya. Mempunyai pemilik tanah yang berbeza di laman web ini juga merupakan salah satu masalah dalam aspek pengurusannya.

### 2.3 KERANGKA TEORI



Rajah 2.1 : Model penandaan segitiga teori semiotik

Sumber: Zainab Roslan (2015)

Rajah 2 menunjukkan sebuah model penandaan segitiga teori semiotik yang akan diaplikasikan pada kajian ini. Asas bagi kerangka teori yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan beberapa pendekatan yang berkaitan dengan teori semiotik. Teori semiotik dimana menekankan konsep pelancongan berdasarkan semiotik yang wujud dalam pembangunan industri pelancongan di kawasan kajian iaitu Bandar Lama Diraja Jugra. Teori ini hasil kombinasi diantara konsep asas pelancongan dan juga teori semiotik yang diasaskan oleh Charles Sanders (tokoh falsafah). Konsep asas pelancongan yang dipilih melihat kepada dua sudut iaitu permintaan dan penawaran seperti yang dicadangkan oleh Mohamed Anwar Omar Din dan beberapa penyelidik dari luar negara. Manakala teori semiotik yang dinyatakan merujuk kepada penggunaan

Model Penandaan Segitiga Piercean, di mana model ini terdiri daripada tiga komponen utama yang menjelaskan kesinambungan “arbitrariness” iaitu pandangan “sight” sebagai penghubung di antara penanda “signifier” dan petanda “signified”. Hal ini akan menjadikan elemen-elemen warisan kebudayaan dan juga warisan semula jadi yang terdapat di kawasan kajian sebagai tanda signifikan yang berfungsi sebagai daya tarikan kepada pelawat untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan berasaskan warisan.

#### **2.4 PENUTUP**

Kajian lepas sangat penting dalam sebuah proses penyelidikan. Bahagian ini membincangkan tentang sorotan kajian lepas yang diperolehi dari pelbagai sumber dan akan digunakan oleh pengkaji sepenuhnya bagi melengkapkan kajian yang memerlukan teknik pengumpulan data yang cekap.setiap kajian yang berjaya diperoleh oleh pengkaji adalah berkaitan dengan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan dari sudut pihak berkepentingan.

## BAB 3

### KAEDAH PENYELIDIKAN

#### 3.0 PENGENALAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan seperti huraian kriteria bagi informan dan pemilihan kawasan kajian. Kaedah metodologi yang digunakan dapat membantu pengkaji untuk memperolehi input dan output berkesan serta relevan dengan kajian yang dilakukan. Analisis dan juga data yang dilakukan dapat diuraikan dengan mendalam dan terperinci.

Pengkaji juga akan menggunakan sumber primer dan sekunder dalam mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan dari sudut pihak berkepentingan. Pengumpulan maklumat awal melalui internet dan sumber ilmiah dilakukan pada awal peringkat kajian manakala tinjauan secara bersemuka melalui temubual dan soal selidik akan dijalankan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

#### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian mengenai Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan (Perspektif pihak berkepentingan), pengkaji telah memilih pendekatan kajian kes. Hal ini untuk memudahkan pengkaji bagi mengumpul data dan maklumat. Selain itu, kajian kes ini merupakan salah satu kaedah pengumpulan data dengan

menggunakan kaedah kaedah yang sesuai berdasarkan tempat kajian. Maklumat yang diperoleh akan disatukan dan dibentuk menjadi satu pernyataan sebagai hasil kajian. Menurut Kardos dan Smith (1979), pendekatan kajian kes merupakan salah satu pendekatan yang sering digunakan kerana ia mampu menyokong siasatan dengan lebih mendalam dan lebih terperinci untuk setiap kes dan ia adalah perlu untuk menjawab soalan yang berbentuk bagaimana dan mengapa. Kebiasanya penyelidikan kajian kes menggunakan pelbagai bukti yang didapati daripada sumber-sumber yang berbeza seperti dokumen, artifak temubual dan pemerhatian dan juga daripada pelbagai sumber bukti dari kajian-kajian lepas.

### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Dalam melaksanakan kajian mengenai Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan (perspektif pihak berkepentingan), pengkaji telah memilih rekabentuk kajian campuran (gabungan). Rekabentuk kajian campuran ini merupakan gabungan data kuantitatif dan kualitatif untuk lebih memahami dan dapat menerangkan masalah kajian dengan jelas (Cresswell, 2008). Selain itu, rekabentuk kajian campuran merupakan satu langkah awal pengumpulan data, analisis dan gabungan kedua-dua kajian kuantitatif serta kualitatif dan metodologi dalam satu kajian untuk memahami dan menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik (Cresswell dan Plano Clark (2007).

Rekabentuk kajian campuran ini akan memudahkan tugas pengkaji mahupun penyelidik bagi melaksanakan kajian tanpa perlu mengehadkan kaedah kajian sam ada kualitatif ataupun kuantitatif. Pengkaji boleh bebas menentukan pilihan dalam bentuk atau model yang paling sesuai untuk kajian penyelidikkan (Roziah Omar, 2012). Melalui rekabentuk kajian yang dipilih ini, pengkaji akan melakukan proses kajian seterusnya dalam bentuk kaedah kualitatif dan kuantitatif.

### 3.3 UNIT ANALISIS

Unit analisis merupakan satu permasalahan yang perlu diteliti. Dalam unit analisis, ia melibatkan objek untuk dikaji seperti kegiatan, lokasi, manusia dan sebagainya. Dalam kajian ini pengkaji telah memfokuskan kepada perspektif pihak berkepentingan terhadap Bandar Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan. Pengkaji telah memilih Bandar Lama Diraja Jugra kerana ia merupakan sebuah bandar atau kawasan yang memiliki banyak elemen-elemen warisan yang boleh dimanfaatkan kepada industri pelancongan seperti pelancongan arkeologi, pelancongan ekologi dan pelancongan warisan sekaligus dapat memelihara dan memulihara kesemua warisan yang ada di situ termasuklah warisan semulajadi.

Unit analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah Bandar Lama Diraja Jugra Kuala Langat, Selangor. Pengkaji memilih lokasi kajian ini kerana ia merupakan kawasan yang sering dikunjungi oleh pengkaji dan berdekatan dengan kawasan rumah. Selain itu, pihak berkepentingan seperti komuniti tempatan dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) merupakan komponen utama dalam unit analisis kajian yang dilakukan ini. Hal ini kerana mereka adalah pihak berkepentingan yang akan membantu pengkaji dalam merungkai persoalan dan masalah kajian.

### 3.4 KAEADAH KAJIAN

Dalam Kaedah kajian ini, menurut Iman (2016) langkah yang perlu di titik beratkan untuk menjawab objektif kajian dalam penghasilan sesuatu penyelidikan (Iman, 2016). Kaedah ini merupakan cara melaksanakan proses kajian seperti melalui rujukan buku, temubual, buku, rujukan laman sesawang, rujukan soal selidik dan sebagainya. Kajian ini mengenai jenis elemen-elemen warisan tinggalan sejarah yang ada pada kawasan kajian sehingga berpotensi dijadikan pembangunan industri pelancongan, pihak berkepentingan

yang bertanggungjawab terhadap aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Bandar Lama Diraja Jugra dan pandangan komuniti setempat berkaitan Bandar Lama Diraja Jugra dijadikan pusat pelancongan. Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran. Matlamat utama penyelidik menggunakan kaedah campuran ini adalah untuk menghasilkan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif secara persendirian, disamping untuk mengukuhkan sokongan terhadap perkara seperti hujah, isu atau dapatan yang diperoleh daripada pelbagai sudut pandangan sama ada kuantitatif atau kualitatif.

### **3.4.1 KAEDAH KUALITATIF**

Menurut Jasmin (2012), kaedah kualitatif merupakan antara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian berkaitan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan dari sudut perspektif pihak berkepentingan. Kaedah kualitatif ini didefinisikan sebagai kaedah memberatkan usaha untuk memberikan penjelasan mengenai keadaan dan sifat manusia dengan menggunakan pandangan umum berkaitan apa-apa sahaja tindakkan sosial. Justeru, kaedah kualitatif tidak hanya fokus kearah pengutipan hasil data yang banyak. Pada kaedah kualitatif ini, pengkaji telah menemubual dua orang Pegawai Perancangan Bandar daripada pihak Majlis Daerah Kuala Langat bagi menjawab kepada objektif pertama dan kedua kajian. Pengkaji memperoleh dua informan ini melalui inisiatif menghubungi mereka secara langsung dan mereka telah menetapkan tarikh untuk melakukan temubual secara atas talian. Temubual yang telah dilaksanakan adalah temubual secara berstruktur menerusi aplikasi *Google Meet*. Selain temubual dua orang informan, yang terdiri daripada Puan Halimaton Binti Sakir dan Encik Abdul Rauf Bin Abd Latif, pengkaji juga melakukan pemerhatian secara langsung di sekitar Bandar lama Diraja Jugra bagi menyokong data atau maklumat yang diperoleh. Pemerhatian memfokuskan kepada elemen-elemen warisan yang ada di kawasan kajian, dimana

memerhati dari sudut keadaan terkini elemen, persepsi komuniti serta perubahan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab terhadap memeliharaan Bandar Lama Diraja Jugra yang terkenal dengan nilai warisan yang tinggi. Tambahan pula, pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di temani oleh salah seorang penduduk di kawasan tersebut yang menjadi juru pandu pengkaji meneroka lebih dalam tentang kawasan kajian.

### **3.4.2 KAEADAH KUANTITATIF**

Kajian kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik, ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Kaedah kuantitatif memberikan hasil kajian yang berlainan dengan jangkaan penyelidik kerana ia memainkan peranan dalam bidang penyelidikan sains dan sosial. Selain itu, kaedah kuantitatif turut mempersempahkan asas kepada kiraan maklumat hasil daripada kajian yang dijalankan. Dalam kaedah kuantitatif unsur bias tidak akan berlaku disebabkan hasil kajian adalah berdasarkan data yang dikumpul. Kaedah kuantitatif dalam bidang sains sosial menjangkakan peristiwa tertentu merupakan komponen yang penting dalam setiap dasar dan proses membuat keputusan hasil daripada kajian yang dijalankan (Velleness, 2019). Pada kaedah ini pengkaji akan menggunakan borang soal selidik berstruktur diatas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Pada tahap ini, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik melalui media sosial di laman web rasmi yang tertumpu kepada komuniti Kuala Langat. Tambahan pula, pengkaji sentiasa memantau jumlah bilangan responden yang telah menjawab sama ada mencapai sasaran sebanyak 263 orang (melalui kiraan *sample size calculator*.

### 3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data adalah kayu ukur kepada kejayaan sesuatu kajian dari hasil dapatan kajian sehingga kesimpulan yang seajar dengan objektif yang ditetapkan dalam kajian ini. Segala maklumat serta data-data yang sukar diperolehi mampu dicapai dengan menggunakan kebijaksanaan serta ketelitian dalam pemilihan kaedah yang digunakan mengikut kesesuaian kajian. Hal ini akan mempengaruhi dua sumber data utama iaitu sumber data sekunder dan data primer yang akan digunakan oleh penyelidik dalam kajian yang dilakukan. Segala data yang berkaitan kemudiannya akan dianalisis dan ditetapkan secara baik dalam setiap rekod penulisan kajian.

#### 3.5.1 DATA PRIMER

Bagi melegkapkan kajian mengenai Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan (Pihak berkepentingan), pengkaji telah memilih untuk mengumpul data berkaitan kajian ini melalui kaedah pengumpulan data premier. Bagi mendapat maklumat dan data yang diperlukan, pengkaji akan melakukan kajian melalui kaedah temubual dan soal selidik. Data daripada kaedah temubual ini akan diperoleh daripada salah seorang pegawai di bahagian perancangan pembangunan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berkaitan siapakah pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kepada bangunan warisan yang terbengkalai di kawasan Bandar Lama Diraja Jugra.

Bagi temubual bersama Majlis Daerah Kuala Langat ini, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual semi berstruktur dengan hanya menyediakan soalan utama sahaja, dan soalan susulan adalah berdasarkan maklum balas daripada responden (K. P. Malaysia, 2012). Semasa sesi temubual berlangsung pengkaji akan menggunakan

gajet seperti telefon untuk merakam perbualan sekaligus dijadikan bukti semasa pembentangan kajian.

Seterusnya, pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada beberapa orang responden secara rawak dimana melibatkan masyarakat komuniti setempat untuk membantu dalam memberi maklumat berkaitan persepsi mereka Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan. Maklumat yang diberikan oleh mereka sangat penting kerana akan membantu pengkaji untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mengenalpasti potensi sebenar bagi mendorong kawasan kajian untuk dijadikan sebagai kawasan pelancongan warisan iaitu mengambil aspek SWOT analisis. Tambahan, hanya masyarakat setempat menjadi tumpuan utama sebagai responden tunggal kerana komuniti tempatan lebih memahami latar belakang serta sejarah tempat tinggal mereka.

### **3.5.2 DATA SEKUNDER**

Disamping itu, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan (pihak berkepentingan) melalui kaedah sekunder. Kaedah sekunder merupakan kaedah yang dilakukan berdasarkan bahan-bahan bacaan, jurnal, bahan-bahan ilmiah, buku rujukan, keratin akhbar, tesis dan penyelidikan perpustakaan.

#### **I. Sumber Internet**

Bantuan internet merupakan salah satu cara dimana sumber yang mudah diperolehi dan sering digunakan untuk melakukan sebarang kajian oleh penyelidik. Pengkaji telah menggunakan alternatif sumber internet untuk mencari pelbagai maklumat yang agak sukar bagi menyempurnakan kajian yang dipilih. Maklumat serta data berkaitan dengan elemen warisan, Bandar Lama Diraja Jugra dan sebagainya mampu diperolehi di laman-

laman web di carian Google. Antara laman-laman web yang mudah diakses untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian adalah seperti Google Scholar, Academia, ‘research gate’ dan sebagainya. Kebanyakan dari maklumat yang diperolehi melalui carian Google tersebut mempunyai rujukan dan maklumat yang sahih dari para penulisnya

## II. Jurnal

Sebahagian maklumat daripada jurnal telah berjaya dijumpai oleh pengkaji bagi memudahkannya sebagai salah satu rujukan bermanfaat untuk menyelesaikan kajian ini. Sumber rujukan ini akan bermanfaat untuk dijadikan bahan rujukan kerana kebanyakan isi kandungannya yang mampu menambah idea dan pengetahuan serta menjadi penentu atas matlamat yang ingin diberitahu dalam kajian yang dilakukan.

### **3.6 PENSAMPELAN**

Pensampelan merupakan salah satu alternatif untuk pengkaji mendapatkan maklumat daripada responden (U. T. Malaysia, n.d.). Pensampelan yang digunakan pengkaji merangkumi dua pensampelan iaitu pensampelan kebarangkalian rawak mudah (simple random sampling) dan pensampelan bukan kebarangkalian bola salji (snowball) (Jumrah, 2013). Kaedah pensampelan kebarangkalian secara rawak melibatkan responden yang dipilih oleh pengkaji secara rawak yang berada di sekitar Kampung Sungai Buaya dan Jugra serta memiliki semua kriteria-kriteria yang terdapat dalam populasi kajian (Said, 2018). Oleh itu, pensampelan kebarangkalian rawak mudah (simple random sampling) ini dilakukan soal selidik dilokasi yang telah ditetapkan. Responden yang akan menjawab soalan borang soal selidik adalah seramai 265 orang yang ditentukan melalui populasi dengan menggunakan ‘Sample Size Calculator’ dari jumlah populasi penduduk Jugra

8,582 yang melibatkan tiga buah kampung iaitu kampung Melayu Pulau Carey, Kampung Permatang Pasir dan Kampung Seri Jugra dengan kebolehpercayaan sebanyak 90 peratus.

Manakala pensampelan bukan kebarangkalian bola salji adalah merujuk kepada responden kajian yang diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai kriteria-kriteria yang bersesuaian dengan kajian. Secara ringkasnya, kaedah bola salji yang digunakan ini bertindak dimana pengkaji akan mengenalpasti informan atau responden yang akan ditemui bual dan informer atau subjek tersebut akan menyerahkan atau memperkenalkan kepada subjek lain yang lebih arif berkenaan dengan kajian yang dilaksanakan sehingga maklumat yang dikaji dan diperolehi itu menjadi tsahih. Oleh itu, pensampelan bukan kebarangkalian bola salji (snow ball) ini dilakukan melalui temu bual secara bersemuka. Bagi memastikan saya mendapat maklumat yang tepat dengan bantuan orang yang benar-benar arif pada perkara pemeliharaan dan pemuliharaan, saya akan menggunakan teknik bola salju atau *snowball* yang memfokuskan kepada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)

### **3.7 INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen bagi membuat proses penyelidikan berjalan dengan lancar. Dalam penyelidikan ini, beberapa peralatan yang sesuai akan digunakan bagi memenuhi kajian penyelidikan ini. Antara peralatan yang digunakan dalam penyelidikan adalah seperti berikut:

a. Audio

Pengkaji menggunakan gadget seperti telefon bimbit atau perakam suara untuk merekod maklumat yang akan disampaikan oleh salah seorang pekerja Majlis Daerah Kuala Langat untuk dijadikan sebagai bahan dan bukti semasa melaksanakan kajian ini.

b. Kertas dan Pen


Pengkaji turut menggunakan kertas dan pen bagi memudahkan pengkaji menulis maklumat mengenai data-data yang diperolehi mengenai warisan di Bandar Lama Diraja Jugra. Kertas dan pen tersebut akan digunakan sebagai kaedah tambahan semasa temubual untuk menambahkan lagi bukti atau maklumat daripada pihak responden yang ditemubual.

c. Borang soal selidik

Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada 150 orang responden yang akan dipilih secara rawak untuk menjawab soalan sekaligus membantu dalam menyalurkan maklumat untuk pengkaji menyelesaikan kajian.

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data ditakrifkan sebagai proses transformasi, pemodelan data, dan pembersihan untuk menjumpai maklumat yang bagus untuk membuat keputusan perniagaan. Tujuannya adalah untuk mengambil dan menyerap segala maklumat yang baik dari data dan membuat keputusan berdasarkan analisis data (99, 2020). memberikan hasil yang terbaik. Pengkaji telah menganalisis data dengan melakukan teknik berikut. Rajah 3.0 menunjukkan proses analisis data yang dilakukan dalam kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah tematik.



### Rajah 3.1 : Aliran proses Analisis Data Tematik

Sumber: Boyatziz (1998)

Terdapat tujuh langkah-langkah dalam proses analisis data. Langkah pertama dalam proses analisis data bagi kajian Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan (adalah menerusi proses transkripsi data. Proses transkripsi data adalah proses pengolahan semula data- data yang diperolehi melalui temu bual secara bersemuka bentuk penulisan. Pengkaji akan menyusun semula hasil akhir temu bual yang dijalankan melalui rakaman audio agar lebih tersusun dan sistematik. Hasil perbualan menerusi temu bual yang dijalankan telah ditafsirkan melalui penulisan khusus yang telah dicatatkan

Langkah kedua adalah pengkaji akan membuat pembacaan semula hasil catatan khusus yang dilakukan oleh pengkaji daripada responden melalui temu bual dan soal selidik. Catatan- catatan yang telah dicatat telah disusun semula mengikut keputusan temu bual dan edaran borang soal selidik yang telah dijalankan agar ianya saling berkaitan antara satu sama lain. Dengan ini tiada sebarang terciciran maklumat tidak akan berlaku dalam hasil temu bual serta hasil catatan yang khusus. Langkah ketiga adalah dengan menentukan tema yang yang diperolehi hasil daripada pembacaan semula catatan-catatan tersebut. Melalui ini, pengkaji dapat menentukan corak serta tema yang berkaitan dengan objektif yang dilakukan dengan kajian Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan.

Langkah keempat adalah dengan membuat pemilihan bagi kod kumpulan. Hasil penentuan tema yang telah dipilih, pengkaji akan memilih kod kumpulan sasaran yang sesuai dikategorikan dalam kajian. Misalnya jantina, umur, jenis perubahan yang berlaku dalam kategori yang bersesuai dalam hasil jawapan dalam borang selidik yang dijawab oleh responden. Kemudian langkah kelima adalah dengan pemilihan sub-kumpulan bagi kod kumpulan yang telah dikategorikan. Sub-kumpulan akan dikategorikan mengikut

pecahan bagi maklumat-maklumatnya kepada bentuk takrifan serta hujahan dan jawapan yang berkaitan dalam soal selidik .Langkah keenam adalah dengan melakukan proses traingulasi terhadap gabungan sumber data yang diperolehi daripada hasil temu bual dan juga soal selidik yang telah dijalankan. Dalam proses ini kesemua sumber data daripada data primer dan sekunder telah digabungkan. Maklumat data sumber primer adalah melalui borang soal selidik dan temu bual. Manakala maklumat daripada sumber sekunder seperti jurnal dan artikel

Langkah terakhir adalah melakukan semakan untuk kesahan, pengkaji akan menyemak semula data sama ada data serta sumber yang diperolehi mampu mencapai objektif kajian yang dilakukan mahupun tidak. Keputusan hasil daripada maklumat serta informasi yang diperolehi hebdaklah mempunyai hubung kait antara satu sama lain agar penulisan yang dihasilkan membawa keputusan akhir yang jelas dan menepati matlamat kajian. Oleh yang demikian, proses analisis data ini penting dalam menyusun atur hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan agar ianya mencapai sasaran kajian serta tiada wujudnya keciciran maklumat dan informasi dalam penulisan kajian.

Manakala analisis data kuantitatif pula melalui instrumen soal selidik. Responden kajian ini terdiri daripada komuniti tempatan dikawasan kajian. Teknik persampelan kebaragkalian secara rawak mudah digunakan dalam pemilihan responden dimana 265 telah terpilih dari jumlah menggunakan ‘sampling size calculator’ dengan tahap keyakinan dan kebolehpercayaan 90%. Jenis item dalam soal selidik ini ialah item pilihan tunggal (single-choice item) khususnya bagi bahagian demografi. Responden di minta untuk membuat pilihan yang sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan. Soal selidik ini juga menggunakan skala likert (1) Sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3)tidak pasti, (4)setuju dan (5)sangat setuju. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) edisi 26. Analisis deskriptif telah

digunakan dalam menganalisis dapatan kajian bagi mendapatkan peratusan kekerapan dengan min, mod dan median.

### **3.9 PENUTUP**

Melalui metodologi kajian ini, pelbagai kaedah yang dapat digunakan dalam teknik pengumpulan data yang perlu dilakukan oleh pengkaji. Pengurusan dan pemilihan kaedah metodologi yang bersesuaian dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan hasil kajian dengan lebih sistematik dan jelas. Teknik pengumpulan data dan kaedah pensampelan yang bertepatan dalam menganalisis data secara teliti akan mendatangkan sumber hasil kajian yang menepati objektif dan juga matlamat kajian yang dilakukan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu proses pengumpulan data dilakukan terhadap para responden yang terlibat bagi menjawab kepada objektif kajian. Segala maklumat tersebut adalah data-data yang dikumpul secara telus melalui proses temuramah dan borang soal selidik. Dapatan kajian ini mengandungi maklumat dan data yang lengkap berkenaan Bandar Lama Diraja Jugra Selangor, sebagai pusat pelancongan (Pihak berkepentingan). Menerusi bab ini, pengkaji telah menganalisis data yang diperoleh daripada kajian kerja lapangan dari semasa ke semasa. Bahkan segala data yang diperoleh adalah berdasarkan hasil tinjauan, temuramah dan soal selidik yang memfokuskan peranan pihak berkepentingan terhadap warisan di Bandar Lama Diraja Jugra.

#### 4.1 Elemen Warisan di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor

Menurut Zainab (2015), Bandar Lama Diraja Jugra sangat terkenal dengan sejarahnya yang tersendiri. Secara umumnya, terdapat beberapa bekas jejak peninggalan kerabat Diraja yang masih ada ini menjadi faktor sumbangannya bukti warisan di Jugra yang mempunyai elemen warisan budaya bersejarah, arkeologi dan ekologi semulajadi.

Pernyataan di atas disokong oleh seorang informan daripada pihak Majlis Daerah Kuala Langat iaitu Puan Halimaton Binti Sakir , dimana beliau mengatakan terdapat

beberapa kategori warisan yang ada di kawasan kajian mampu mengangkat Bandar Lama Diraja Jugra ini sebagai pusat Pelancongan.

Elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra terdiri daripada 2 kategori iaitu warisan ketara dan warisan semulajadi. Terdapat 15 elemen warisan yang telah dikenalpasti dan 6 tapak warisan telah diwartakan di negeri Selangor. Disebabkan demikian, saya percaya bahawa setiap elemen yang ada dikawasan Bandar Lama Diraja Jugra ini mampu membuka potensi pelancongan kearah pelancongan arkeologi dan ekologi

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Secara umumnya, pengkaji sangat bersetuju dengan kenyataan kajian lepas dan pernyataan daripada informan tersebut. Hal ini kerana, hasil dari tinjauan dan pemerhatian yang telah dilakukan, selain daripada warisan ketara seperti Istana Jugra yang sering mendapat kunjungan orang awam terutama pasangan pengantin yang sering melakukan sesi pemotretan, terdapat juga sumber warisan semula jadi dimana sekaligus menyumbang kepada pemandangan landskap semulajadi yang indah dari atas Bukit Jugra. Bukit Jugra sangat terkenal dengan tempat orang awam melakukan aktiviti riadah seperti *hiking* kerana di atas bukit tersebut mereka dapat melihat pemandangan Hutan Simpan Dara Bukit Jugra, Hutan Paya Bakau dan Sungai Langat. Namun begitu, walaupun Bandar Lama Diraja Jugra sangat kaya dengan elemen warisan bersejarah, namun Bandar ini masih lagi kurang mendapat sambutan daripada pengunjung (Aidatul, 2012). Oleh sebab demikian, pengkaji cuba mengambil tahu alasan mengapa Bandar Bersejarah ini kurang mendapat sambutan sama ada daripada penduduk itu sendiri dan masyarakat luar.

#### **4.1.1 Tahap pendedahan elemen warisan kepada komuniti setempat**

Seperti yang sedia maklum, Jugra adalah sebuah bandar warisan diraja yang mempunyai banyak aset warisan budaya dan semula jadi. Semua harta warisan tersebut boleh diubah menjadi aset utama (Zainab Roslan, 2017). Terdapat lebih dari sepuluh jenis elemen warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor yang dikategorikan sebagai

elemen warisan sejarah, warisan budaya, warisan ketara, warisan tidak ketara dan warisan semulajadi (Salim, 2008). Namun begitu, hasil daripada pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data kajian ini, kawasan bandar warisan diraja Jugra sangat sepi dan lenggang tanpa pengunjung walaupun waktu cuti umum.

Walaupun Bandar Lama Diraja Jugra sangat terkenal dengan warisan bukit jugra, Masjid Alaeddin Suleiman Shah dan Istana Jugra (Zainab Roslan, 2017), tarikkan minat pengunjung untuk melawati kawasan bersejarah semakin merosot (Aidatul, 2012). Ini menjadi kegusaran bagi menjadikan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pelancongan lestari. Persoalannya apakah punca kawasan tersebut tidak mendapat kunjungan walaupun dari penduduk sekitar itu sendiri. Oleh demikian, pengkaji mengambil inisiatif menemu bual seorang penolong pegawai perancangan bandar dan desa, Majlis Daerah Kuala Langat bagi menjawab soalan kepada objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

Menurut informan Puan Halimaton Binti Sakir dari penolong pegawai perancangan bandar dan desa, Majlis Daerah Kuala Langat bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan.

Sebenarnya, seperti yang awak sedia maklum, tidak dinafikan lah.. Bandar Lama Diraja Jugra ni banyak warisan. Namun, banyak-banyak warisan, yang menjadi tarikan pengunjung hanya lah Bukit Jugra itu pun biasanya anak remaja yang *hiking*. Mungkin hanya itu menjadi tarikan pengunjung sekarang. Lagi pun pada pandangan saya, kawasan Bandar Lama Diraja Jugra ini dalam kawasan kampung dan tiada tarikkan berbanding dengan tempat warisan yang lain. Selain itu Mengikut kedudukan geologi, tapak bersejarah Jugra terletak di penghujung mukim. Mungkin ini merupakan salah satu sebab kawasan ini tidak membangun. Tambahan pula, jarak yang agak jauh di antara beberapa tapak bersejarah di Jugra dan dua bangunan warisan yang telah dipulihara pada masa sekarang iaitu Istana Bandar dan Masjid Alaeddin. Ini boleh menyebabkan elemen-elemen warisan ini sukar untuk dihubungkan. Pihak kita pun dah berusaha untuk menarik minat pengunjung, tetapi banyak faktor yang perlu kami kaji untuk melakukan pembaikkan kerana Bandar Lama Diraja Jugra ni bukan melibatkan campur tangan satu pihak sahaja.

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan daripada informan diatas, dapat disimpulkan bahawa walaupun Bandar Lama Diraja Jugra ini mempunyai nilai aset warisan yang tinggi namun ia masih belum mencapai kepada tahap kepuasan pelancongan seperti negeri lain terutama Melaka. Hal ini kerana, hasil pemerhatian pengkaji mendapati elemen warisan yang ada di kawasan kajian tertutup dengan kawasan perumahan sekitar Jugra dan persekitaran masih status pendalaman. Bukan itu sahaja, tiada kemudahan pengangkutan awam yang disediakan seperti MRT, KTM, LRT dan Bas Rapid yang menyebabkan kesukaran pengunjung luar untuk melawati kawasan bersejarah Bandar Lama Diraja Jugra. Tambahan pula, laluan keluar masuk untuk menuju setiap elemen warisan sangat sempit dan menyukarkan pengunjung yang menaiki kereta.

#### **4.1.2 Tahap penjagaan elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor**

Menurut Saidatulakmal (2011), kesemua sebahagian aset yang disenaraikan di dalam kawasan Bandar Lama Diraja Jugra berhadapan dengan masalah pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Pemusnahan atau kehilangan budaya atau alam semulajadi ini akan mengakibatkan kepupusan. Tanpa pengurusan dan perancangan yang sistematik dan berkesan, kemusnahan dan kepupusan warisan boleh berlaku.

Hasil pemerhatian pengkaji di kawasan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa elemen warisan yang tidak dipelihara dan dibiarkan terbengkalai tanpa ada apa-apa tindakkan daripada pihak yang berkepentingan. Misalnya kawasan perigi lama yang telah wujud sekitar 2500 tahun yang menjumpai beberapa artifak tembikar dan logam dikawasan tersebut (rajah 4.1 dan rajah 4.2). Kawasan yang terkenal dengan ‘Bandar Warisan Bersejarah itu’ tidak bersesuaian dengan persekitaran sekelilingnya (Fuad, 2021). Seharusnya selangor mengikuti jejak langkah negeri Melaka dan Georgetown

Penang yang menghargai aset warisan negeri mereka sehingga tersenarai di dalam UNESCO (Ah Choy Er, 2016).

Menurut informan Puan Halimaton Binti Sakir dari penolong pegawai perancangan bandar dan desa, Majlis Daerah Kuala Langat bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan.

Pihak kami telah melakukan beberapa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan di beberapa tempat dekat situ. Berkenaan dengan soalan awak kenapa perigi lama terbiar tanpa dirawat itu... sebenarnya, pihak kami dengan pihak ketiga pada tahun 2019 telah meninjau kawasan tapak perigi lama tersebut bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapi disebabkan kekangan tenaga pakar dan aspek lain, status projek konservasi dikawasan tersebut masih lagi dalam ‘tindakan lanjutan’.

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan diatas, dapat dirumuskan bahawa pihak berkepentingan terutamanya Jabatan Warisan Negara (JWN) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tidak dapat memelihara dan membaik pulih kesemua elemen warisan yang ada di kawasan kajian kerana atas faktor tenaga pakar dan faktor lain. Namun begitu, pemantauan yang telah dilakukan ke atas perigi lama ini telah diajarkan sejak tahun 2019 dan masih tiada perubahan sehingga kini, seharusnya pihak bertanggungjawab telah mempunyai jalan penyelesaian melakukan kerja-kerja konservasi. Tambahan pula, ini bukan pergi biasa, namun pergi ini adalah tempat dimana pelbagai penemuan artifak terdahulu yang membuktikan Jugra ini telah wujud sekitar 2500 tahun sebelum kedatangan Sultan Abdul Samad.



Rajah 4.1: Perigi lama yang terbiar  
Sumber: kajian lapangan 2021

Rajah 4.1 di atas merupakan salah satu perigi lama yang telah wujud sekitar 2500 tahun yang lalu di mana pelbagai penemuan sejarah terdahulu seperti artifak dijumpai semasa kerja ekskavasi dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Bukan itu sahaja, pergi lama ini dipercayai digunakan sebagai sumber air pada masa dahulu. Namun hasil dari pemerhatian mendapati perigi lama ini dibiarkan terbiar dengan lumut, tumbuhan liar, air yang sangat kotor dan sampah sarap di dalam nya.



Rajah 4.2: kawasan sekitar perigi lama  
Sumber: kajian lapangan 2021

Manakala rajah 4.2 menunjukkan keadaan kawasan sekitar perigi lama yang juga telah menjadi kawasan ekskavasi. Namun malangnya, kawasan ini tidak dijaga dengan baik kerana hasil pemerhatian mendapati kawasan ini tidak berpagar dan tiada penjagaan khusus, bahkan penuh dengan semak samun yang tidak di tebas.

## 4.2 PIHAK YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN

Dalam usaha perancangan pemuliharaan sesuatu warisan, peranan kerajaan tempatan amat penting. Hal ini kerana kerajaan tempatan berpengaruh dan mempunyai kekuatan dalam peruntukkan perundangan terutama bagi kawasan-kawasan yang termaktub dalam Rancangan kawasan. Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan adalah tertakluk dalam subseksyen (2) yang bersesuaian dengan Akta 645 iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005. Mengikut Akta Warisan Kebangsaan (2005), menyatakan urusan menyediakan atau mengeluarkan dasar, arahan atau pernyataan dengan apa-apa perkara, strategi atau pengendalian pemuliharaan dan pemeliharaan adalah dibawah tanggungjawab menteri.

Penyataan di atas sejajar dengan kenyataan yang diberikan oleh informan daripada Puan Halimaton Binti Sakir, iaitu salah satu pegawai dari Majlis Daerah Kuala Langat. Beliau mengatakan antara pihak yang bertanggungjawab dalam segala aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan di Bandar Lama Jugra majoritinya adalah daripada pihak kerajaan.

‘Terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam segala aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan elemen warisan seperti Jabatan Warisan Negara, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Majlis Perbandaran Kuala Langat’

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Institusi di atas merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara dan memulihara segala elemen warisan yang ada di Bandar lama Diraja Jugra Selangor. Jabatan Warisan Negara merupakan induk yang membuat segala keputusan berkaitan dengan segala perancangan, penjagaan terhadap semua warisan. Manakala PADAT pula bertanggungjawab dalam mencadangkan kebolehupayaan untuk pembangunan dari segi infrastruktur dan modal insan, melakukan penambahbaikan ekhibit ruang pameran di Muzium Tapak Jugra Kuala Langat dan akhir sekali, Majlis Daerah Kuala Langat

(MDKL) merupakan institusi yang bertanggungjawab menjaga dan menjadi orang tengah di antara komuniti dan institusi lain.

Selain daripada pihak kerajaan, tidak dilupakan juga bahawa penglibatan komuniti dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sangat penting. Menurut informan kedua iaitu Encik Abdul Rauf Bin Abd Latif pegawai daripada Majlis Daerah Kuala Langat berkata penglibatan komuniti turut disertakan kerana akan memberi kesan juga kepada elemen warisan yang ditinggalkan.

Kenyataan informan kedua tersebut disokong oleh pengkaji kajian lepas dimana, mereka mengatakan penglibatan daripada orang awam, pihak berkepentingan, komuniti tempatan, pembuat dasar dan kerajaan adalah sangat mempengaruhi sebuah pembangunan industri pelancongan warisan tersebut dapat dikembangkan dan dimajukan. Hal ini bertujuan untuk mengetahui bahawa adakah pihak berkenaan memberi tindak balas positif atau sebaliknya. Demikian kerana, Kejayaan dan kemampuan sebuah pembangunan pelancongan berpacu kepada sikap komuniti tempatan bagi mengelakkan masalah dihari mendatang (Sajad dan Mahdi, 2011). Seterusnya, menurut Aidatul Fadzlin Bakri (2014), Penyertaan masyarakat tempatan adalah penting kerana mereka yang mempunyai kearifan tempatan terutama ketika melibatkan aset warisan. Memperkasakan serta melibatkan mereka dalam perancangan dan pengurusan dapat memupuk rasa tanggungjawab yang lebih besar terhadap harta pusaka.

### **4.3 PERSEPSI KOMUNITI SETEMPAT SEBAGAI PIHAK BERKEPENTINGAN MENGENAI POTENSI KAWASAN KAJIAN SEBAGAI KAWASAN PELANCONGAN**

#### **4.3.1 Data Demografi Responden**

Bahagian ini mengandungi data-data berkaitan latang belakang sosio demografi para responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada penduduk di beberapa daerah sekitar Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor iaitu Kampung Melayu Pulau Carey, Kampung Permatang Pasir dan Kampung Seri Jugra. Seramai 265 orang responden daripada pelbagai lapisan masyarakat, bangsa dan umur terlibat dalam kajian ini. Seramai 120 orang atau 45.3% adalah terdiri dri pada responden lelaki manakala bakinya iaitu 145 orang atau 54.7% adalah responden perempuan. Bilangan ini dapat dilihat pada jadual 4.1.

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
<b>Lelaki</b>	120	45.3	45.3
<b>Perempuan</b>	145	54.7	100.0
<b>Jumlah</b>	265	100.0	

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina Penduduk  
Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

<b>Bangsa</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
<b>Melayu</b>	185	69.8	69.8
<b>Cina</b>	49	18.5	88.3
<b>India</b>	27	10.2	98.5
<b>Lain-lain</b>	4	1.5	100.0
<b>Jumlah</b>	265	100.0	

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Bangsa Penduduk  
Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Merujuk kepada jadual 4.2, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 185 orang atau 69.8%. seterusnya, diikuti oleh bangsa Cina iaitu seramai 49 orang atau 18.5%. Manakala, 27 orang responden pula (10.2%) terdiri daripada bangsa India dan hanya berbaki 4 orang responden atau 1.5% terdiri daripada bangsa lain-lain.

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
<b>17-19</b>	21	7.9	7.9
<b>20-29</b>	114	43.0	50.9
<b>30-39</b>	58	21.9	72.8
<b>40-59</b>	47	17.7	90.6
<b>60-69</b>	25	9.5	100.0
<b>Jumlah</b>	265	100.0	

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Umur Penduduk

Sumber: (Kajian Lapangan 2021)

Jadual 4.3 menunjukkan kategori umur responden yang bermula pada umur 17 tahun sehingga 69 tahun. Seramai 21 orang responden (7.9%) terdiri daripada kategori umur 17 hingga 19 tahun, manakala 114 orang (43.0%) pula mewakili peringkat umur 20 hingga 29 tahun. 58 orang responden (21.9%) pula terdiri daripada 30 hingga 39 tahun dan 47 orang (17.7%) pula mewakili peringkat umur 40 hingga 59 tahun. Akhir sekali, peringkat umur responden 60 hingga 69 tahun terdiri daripada 25 orang (9.5%) yang merupakan jumlah kedua terendah.

#### 4.3.2 Kesedaran komuniti terhadap elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra

No.	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju	Min
B1	Sekitar kawasan kediaman saya mempunyai banyak aset warisan yang berharga	1 (0.4%)	6 (2.3%)	53 (20.0 %)	<b>152</b> <b>(57.4%)</b>	53 (20.0%)	3.94
B2	Komuniti setempat perlu peka akan sejarah tempat tinggal mereka	1 (0.4%)	2 (0.8%)	28 (10.6%)	<b>185</b> <b>(69.8%)</b>	49 (18.5%)	4.05
B3	Warisan merupakan simbol identiti komuniti setempat.	1 (0.4%)	1 (0.4%)	31 (11.7%)	<b>187</b> <b>(70.6%)</b>	45 (17.0%)	4.03
B4	Segala tinggalan warisan terdahulu mempunyai nilai yang tinggi walaupun telah berusia lebih beribu tahun	1 (0.4%)	3 (1.1%)	30 (11.3%)	<b>185</b> <b>(69.8%)</b>	46 (17.4%)	4.02
B5	Komuniti setempat bertanggungjawab keatas sejarah tinggalan terdahulu	1 (0.4%)	3 (1.1%)	27 (10.2%)	<b>186</b> <b>(70.2%)</b>	48 (18.1%)	4.05
B6	Elemen warisan di sekitar Bandar Lama Diraja Jugra merupakan tarikkan kepada kegiatan pelancongan	1 (0.4%)	2 (0.8%)	35 (13.2%)	<b>179</b> <b>(67.5%)</b>	48 (18.1%)	4.02
B7	Kesemua elemen warisan yang ada di kawasan Jugra perlu diberi perhatian oleh semua pihak	1 (0.4%)	2 (0.8%)	21 (7.9%)	<b>187</b> <b>(70.6%)</b>	54 (20.4%)	4.09
B8	Bukit Malawati merupakan salah satu elemen warisan yang menjadikan Bandar Lama Diraja Jugra dikenali ramai.	1 (0.4%)	2 (0.8%)	17 (6.4%)	<b>163</b> <b>(61.5%)</b>	82 (30.9%)	4.21

Jadual 4.4: Taburan Data Tahap Kesedaran Komuniti terhadap elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra  
 (Sumber: Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan kajian ini majoriti responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap elemen warisan yang ada di sekitar Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor. Hal ini dapat dilihat melalui jadual 4.3 dalam item yang ke tujuh iaitu kesemua elemen warisan sejarah yang ada di kawasan Jugra perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Dimana mencatatkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap elemen warisan dengan seramai 187 orang responden (70.6%) menyatakan ‘setuju’. Menurut Sajad dan Mahdi (2011), tahap kesedaran penduduk dari segi penglibatan mereka dalam aktiviti pembangunan adalah salah satu dari elemen-elemen terpenting dalam pembangunan pelancongan sesuatu kawasan atau bandar adalah campur tangan penduduk setempat.

Data ini juga disokong dengan pernyataan seorang pegawai Majlis Daerah Kuala Langat, dimana beliau juga menyatakan majoriti komuniti di sekitar Bandar Lama Diraja Jugra memberikan kerjasama yang positif bagi mengawal elemen warisan yang ada di Kawasan sekitar mereka.

‘Setakat ini, penglibatan komuniti sangat baik walaupun tidak semua berfikiran terbuka. Antara bentuk penglibatan mereka yang secara tidak langsung melayan para pengunjung dengan menceritakan sejarah kawasan tempat tinggal mereka. Selain itu, selain ada anggota polis yang sering membuat rondaan, pihak penduduk juga ada yang bersuka rela memantau kegiatan tidak sopan di kawasan ini’

(R2 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Secara keseluruhannya, dapat di rumuskan bahawa majoriti komuniti mempunyai tahap kesedaran yang positif terhadap elemen warisan di kampung kediaman mereka. Namun tidak disangkal juga bahawa terdapat segelintir penduduk yang masih tidak peka. Namun begitu merujuk pada jadual 4.3 majoriti peringkat umur yang menjawab borang soal selidik ini adalah golongan remaja yang berusia sekitar 20 hingga 29 tahun seramai 114 (43%) orang yang memiliki kesedaran yang tinggi terhadap elemen warisan sekitar mereka. Perkara ini dapat membuktikan bahawa golongan remaja masa kini masa peka dan mereka perlu diberi perhatian yang khusus untuk dilibatkan dalam penjagaan elemen

warisan di Bandar Lama Diraja Jugra. Hal tersebut merupakan satu perkara yang positif untuk melakukan pembangunan pelancongan di Bandar Lama Diraja Jugra. Seterusnya, kenyataan informan berkaitan penglibatan penduduk sebagai juru pandu itu adalah benar, kerana semasa pengkaji melakukan pemerhatian, pengkaji di temani oleh seorang penduduk kampung yang meronda kawasan tapak elemen warisan di samping menceritakan sejarah dan pandangan beliau terhadap Bandar Lama Diraja Jugra sebagai Pusat Pelancongan.

#### **4.4 PERSEPSI KOMUNITI TERHADAP PEMBANGUNAN PELANCONGAN**


<b>Pelancongan warisan memberi impak positif kepada semua pihak.</b>			
	<b>Kekerapan (n)</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
Sangat Tidak Setuju	1	.4	.4
Tidak Setuju	11	4.2	4.5
Tidak Pasti	30	11.3	15.8
Setuju	171	64.5	80.4
Sangat Setuju	52	19.6	100.0
Jumlah	265	100.0	

Jadual 4.5: Taburan Data Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan Pelancongan  
(Sumber: Kajian Lapangan 2021)

Merujuk pada Jadual 4.5 diatas, majoriti komuniti bersetuju bahawa pembangunan pelancongan di kawasan kediaman mereka akan memberi impak yang positif kepada semua pihak. Hal ini di sokong oleh data di atas yang menunjukkan seramai 171 orang responden bersamaan 64.5% bersetuju dengan kenyataan tersebut. Tambahan pula, seluruh negara maju disebabkan oleh faktor yang menyumbang kepada ekonomi mereka, dan salah satunya adalah industri pelancongan (Muhd Zaki, 2014). Selain itu, menurut Suzita Wan Ibrahim et al. (2015) aspek sosial, ekonomi, politik, fizikal, teknologi dan budaya mampu membuat penghasilan ekonomi yang tinggi kepada negara disebabkan pelancongan merupakan industri yang penting kepada negara Pihak berkuasa terutamanya

di negara Eropah kian giat berusaha menjadikan sejarah ditempat mereka sebagai satu produk pelancongan sejak berabad- abad lamanya kerana memberi kesan yang baik kepada semua terutama terhadap negara dan masyarakat Eropah (Muhd Zaki, 2014).

#### **4.4.1 Persepsi Komuniti Terhadap Elemen Warisan akan lebih terjaga jika ada Pembangunan Pelancongan**



Rajah 4.3: Persepsi komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

Merujuk pada rajah 4.4 diatas, gambaran jelas menyatakan bahawa bilangan ‘tidak pasti’ sebanyak 30 orang (11%), ‘tidak setuju’ 11 (4%) orang dengan pernyataan yang ada pada borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji. Hal ini sedikit sebanyak akan menganggu untuk mengangkat Bandar Lama Diraja Jugra kearah pembangunan pelancongan. Perkara ini harus di pandang serius oleh pihak berwajib bagi menganalisis masalah dan punca mengapa komuniti ‘tidak pasti’ dan ‘tidak setuju’. Namun, setelah pengkaji membuat pemerhatian dan kajian lapangan di Kawasan Bandar Lama Diraja Jugra, pengkaji telah menemubual salah seorang komuniti di situ berkaitan dengan masalah tersebut. Menurut informan Ghazali Ahmad (2021) beliau berpendapat bahawa, aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak berwajib tidak secara keseluruhan.

‘Hanya bangunan yang menjadi tumpuan sahaja kebiasaanya pihak tertentu jaga. Walaupun sekarang kesemua elemen didedahkan kepada pengujung untuk pameran, namun ada setengah warisan dibiarkan begitu sahaja. Persekutaran kawasan pun jika dilihat penuh dengan semak samun. Jangan kan pihak luar, kami sendiri pun rata-ratanya melihat bangunan yang terbiar seolah-olah tiada inisiatif elemen-elemen ini akan dijaga dengan lebih baik. Pintu gerbang masuk pun lusuh dan tiada daya tarikkan. Jika dilihat sejarah setiap elemen di Jugra ini boleh dikatakan setanding dengan elemen warisan yang ada di Melaka, namun kenapa Melaka lebih terkenal berbanding Jugra? Mungkin di Melaka mereka menjaga aset di sana dengan bersungguh-sungguh’ Jadi kesimpulannya, permasalahan ini mungkin menyebabkan Bandar Lama Diraja Jugra ini tidak dikenali dan membangun bahkan tidak akan ada berubahan yang ketara

(R3 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dirumuskan bahawa segelintir komuniti yang masih ragu-ragu dengan kenyataan tersebut adalah mereka melihat pihak berkepentingan tidak memandang serius akan tinggalan warisan yang ada di kawasan kajian. Hal ini kerana, walaupun kampung Bandar Jugra ini telah dibuka untuk kunjungan masyarakat, namun tinggalan sejarah di kawasan tersebut seperti tidak layaknya di pamerkan dan di pertontonkan kepada pengunjung terutamanya pelancong luar kerana pihak berkepentingan tidak berusaha untuk menonjolkan ciri dan tarikan istimewa yang ada pada sejarah setiap tinggalan. Misalnya, sehingga kini Istana Lama Jugra, Sekolah Kebangsaan Bandar, Penjara Lama, Perigi Lama masih lagi tidak dipulihara dan biarkan terbengkalai. Seharusnya, jika Bandar Lama Diraja Jugra ini ingin dikembangkan kearah pusat pelancongan, tindakkan pemuliharaan tersebut telah dilakukan lebih awal lagi dan bukan hanya memulihara berdasarkan elemen warisan yang menjadi tumpuan pengunjung semata-mata.

Manakala, jika di lihat pada rajah 4.4 diatas, gambaran jelas menyatakan bahawa seramai 171 orang (65%) majoriti responden yang terdiri daripada komuniti memilih ‘setuju’ dan 49 (18%) responden memilih sangat setuju. Secara jelasnya, masih ada pendapat komuniti yang positif berkenaan dengan kenyataan bahawa elemen warisan

akan lebih terjaga dengan adanya pembangunan pelancongan. Hal ini kerana, mereka melihat dan sedar pihak berkepentingan telah melakukan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan secara berperingkat. Perkara ini dibuktikan dengan penyataan dua orang informan daripada pegawai Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

‘Pihak kami telah melakukan beberapa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan di beberapa tempat seperti kerja konservasi bangunan Istana Bandar dengan menjalankan rawatan penggaraman bagi mengurangkan kelembapan pada dinding bangunan selain itu, kami juga telah melakukan rawatan penggaraman dan kapilari air pada elemen warisan stor peluru Jugra’.

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan diatas, sebenarnya beberapa usaha pemuliharaan dan pemeliharaan telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) dengan menggunakan kepakaran anggota mereka. Di khabarkan pemuliharaan ini telah dilakukan pada bulan Disember 2008 hingga pertengahan tahun 2009. Manakala jika dilihat pada tahap penjagaan stor peluru Jugra, telah berlaku perubahan (rujuk pada rajah 4.5 dan 4.6)



Rajah 4.4: Stor Penyimpanan Peluru, Jugra  
Sumber: kajian lepas, Zainab Roslan (2013)

Rajah 4.4 di atas merupakan kajian oleh pengkaji lepas di mana menunjukkan tahap penjagaan dan pemuliharaan pada elemen warisan tersebut sangat tidak memuaskan. Hal ini dapat dilihat Stor penyimpanan kelengkapan perang terutamanya bedil dan Peluru pada zaman British tersebut di kelilingi oleh semak samun dan cenderung membawa kepada risiko ancaman haiwan berbisa seperti ular dan sebagainya.



Rajah 4.5: Stor Penyimpanan Peluru, Jugra terkini

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

Berdasarkan rajah 4.5 di atas, dapat dilihat berlaku transformasi yang telah dilakukan oleh pihak berkepentingan di mana penjagaan elemen warisan tersebut lebih terurus dengan adanya lingkaran pagar dawai di sekitarnya bagi mengelakkan binatang masuk. Selain itu, kawasan persekitaran stor penyimpanan peluru ini juga lebih bersih daripada semak samun dan lumut.

#### **4.4.2 Persepsi Komuniti Terhadap Pelancongan membuka peluang kearah pembangunan infrastruktur dan ekonomi.**

<b>Dengan adanya industri pelancongan di kawasan kediaman, mampu merubah status kawasan luar bandar ke bandar dengan insfrastruktur yang lebih baik</b>			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Sangat Tidak Setuju	1	0.4	0.4
Tidak Setuju	11	4.2	4.5
Tidak Pasti	34	12.8	17.4
<b>Setuju</b>	<b>141</b>	<b>53.2</b>	<b>70.6</b>
Sangat Setuju	78	29.4	100.0
Jumlah	265	100.0	

Jadual 4.6: Persepsi komuniti terhadap Pembangunan Pelancongan infrastruktur dan ekonomi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

Menurut Suzita Wan Ibrahim et al. (2015) aspek sosial, ekonomi, politik, fizikal, teknologi dan budaya mampu membuat penghasilan ekonomi yang tinggi kepada negara disebabkan pelancongan merupakan industri yang penting kepada negara, disamping

secara tidak langsung menjadikan kawasan tersebut berkembang dengan maju. Pernyataan daripada kajian lepas tersebut disiking oleh dapatan data melalui rajah 4.6 menunjukkan seramai 141 (53.2%) responden memilih sangat bersetuju bahawa dengan adanya industri pelancongan di kawasan kediaman, mampu merubah status kawasan luar bandar ke bandar dengan infrastruktur yang lebih baik.

Perkara tersebut disokong oleh pengkaji setelah melakukan kaedah pemerhatian di kawasan kajian. Pengkaji melihat sendiri terdapat beberapa projek yang dilakukan oleh pihak kerajaan, terutamanya Majlis Daerah Kuala Langat dan Majlis Perbandaran Kuala Langat bagi menaiktaraf kemudahan dan keselasaan orang ramai.



Rajah 4.6: Projek Menurap Sebahagian Jalan dan Pembinaan Longkang di Perkuburan Cina.

(Sumber: kajian lapangan 2021)

Berdasarkan Rajah 4.6 di atas menunjukkan salah satu projek infrastruktur yang telah dilakukan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) pada 16 mac 2021 sehingga 31 ogos 2020. Infrastruktur yang dilakukan adalah menurap semula sebahagian jalan serta membina longkang di perkuburan Cina, Kg Permatang Pasir, Kuala Langat bagi mengelakkan berlakunya banjir di kawasan tersebut sehingga memberi kesan terhadap elemen warisan yang ada di kawasan Bukit Jugra.



Rajah 4.7: Projek membina sebuah kiosk di kaki Bukit Jugra Banting

(Sumber: Kajian lapanagn 2021)

Rajah 4.7 di atas menunjukkan antara projek Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat. Projek pembinaan sebuah kiosk di kaki Bukit Jugra, Banting ini telah dilakukan pada Julai 2021 sehingga September 2021. Pembinaan kiosk ini memberi kemudahan kepada masyarakat yang ingin menjalankan aktiviti perniagaan untuk menambah sumber pendapatan mereka. Untuk makluman, hasil pemerhatian mendapati kiosk ini kedudukannya strategik kerana terletak berhadapan dengan pintu laluan masuk ke Bukit Jugra.



Rajah 4.8: Projek menurap semula dataran kejat

(Sumber: Kajian lapanagn 2021)

Merujuk pada Rajah 4.8 diatas, projek penurapan semula dataran kejat dan jalan masuk ke tapak Paradliding di Bukit Jugra yang diselia oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat yang telah berlangsung pada May 2021 sehingga Julai 2021. Penurapan ini sedikit sebanyak untuk menaiktaraf kemudahan dikawasan tersebut untuk memberi keselesaan dan mengutamakan keselamatan pengunjung kerana jalan tersebut dahulunya berlekuk dan boleh membahayakan pengunjung semasa melakukan aktiviti riadah

Secara keseluruhan dari rajah ini dapat dilihat bahawa kebanyakkhan responden bersetuju dengan penyataan yang diberikan oleh pengkaji. Hal ini kerana, usaha pihak

kerajaan sedikit sebanyak menaik taraf infrastruktur di kawasan luar bandar ini dapat memberi gambaran kepada responden yang masih ragu-ragu dimana sejumlah 34 orang responden (12.8%) masih ‘tidak pasti’ sama ada pembangunan ini akan menguntungkan dua pihak atau sebaliknya manakala bilangan responden yang memilih tidak setuju juga masih ada dengan 11 (4.2%) orang. Walaupun jumlahnya sedikit, namun perkara ini harus diberi perhatian kerana setiap individu mempunyai alasannya mereka tersendiri. Menurut salah seorang penduduk di sekitar kawasan kajian memberi pendapat bahawa: -

Pakcik ni...bukan tak suka kawasan rumah pakcik ni ada pelancongan, tapi kebanyakkan tanah di sini adalah milikkan persendirian, bukan apa lah risau juga kadang-kadang kalau setengah pihak terlalu ghairah kearah pembangunan, kemungkinan besar kedudukan kami juga dalam bahaya. Adik lihatlah, kawasan bersejarah dalam ini pun berselerak bukan dalam satu tempat, jalan kecil kadang-kadang kalau ramai orang masuk tidak selesa juga.

(R4 29 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan di atas, salah seorang penduduk di kawasan kajian mengutarakan pendapatnya berkaitan dengan pembangunan infrastruktur di kawasan kediamannya. Dapat di simpulkan bahawa, selain daripada memikirkan impak positif daripada pembangunan pelancongan di kawasan Bandar Lama Diraja Jugra, mereka juga memikirkan dampak negatif akibat perubahan yang bakal dilakukan. Hal ini kerana, umum sedia maklum, kawasan keluar masuk bahkan kawasan berjalan kaki di sekitar tapak warisan adalah sempit dan sehala, jika pembangunan pelancongan ini giat dilaksanakan, kemungkinan besar akan menjelaskan tanah pemilikan persendirian penduduk untuk membesar jalan .

#### **4.4.3 Persepsi Komuniti Terhadap Pembangunan pelancongan mampu memberi sumber pendapatan kepada komuniti**

<b>Pelancongan di kawasan kajian mampu memberi sumber pendapatan kepada komuniti</b>			
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
Sangat Tidak Setuju	1	0.4	0.4
Tidak Setuju	13	4.9	5.3
Tidak Pasti	34	12.8	18.1
Setuju	170	64.2	82.3
Sangat Setuju	47	17.7	100.0
Jumlah	265	100.0	

Jadual 4.7: Persepsi komuniti terhadap pelancongan kearah ekonomi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2021)

Merujuk pada gambar rajah 4.7 di atas, dapat di simpulkan bahawa majoriti 170 (64.2%) komuniti setempat ‘setuju’ dan di ikuti seramai 47 (17.7%) sangat bersetuju bahawa pembangunan pelancongan mampu memberi sumber pendapatan kepada mereka. Hal ini kerana, menurut Sulong Mohamad (2010), menagatakan bahawa, industri pelancongan merupakan antara industri yang terbesar dan paling menguntungkan sejak beberapa dekad yang lalu. Industri ini mampu menjana ratusan industri lain yang bergantung sama ada secara langsung atau tidak langsung denggannya dan mewujudkan jutaan pekerjaan dan pendapatan kepada pihak yang terlibat terutama membuka peluang besar kepada komuniti setempat. Pengkaji sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut kerana, jika adanya pembangunan industri pelancongan, industri pembinaan, perhotelan, pengangkutan, pembuatan, makanan dan lain-lain lagi secara langsung akan dilibatkan. Oleh yang demikian, ia sedikit sebanyak mampu memberi peluang pendapatan sekaligus menjana pendapatan komuniti setempat.

#### 4.5 PERSEPSI KOMUNITI TERHADAP ASPEK KESELAMATAN

<b>Pihak komuniti kurang senang apabila kawasan kediaman menjadi kawasan tumpuan umum</b>			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Sangat Tidak Setuju	29	10.9	10.9
Tidak Setuju	119	44.9	55.8
<b>Tidak Pasti</b>	<b>52</b>	<b>19.6</b>	<b>75.5</b>
<b>Setuju</b>	<b>40</b>	<b>15.1</b>	<b>90.6</b>
<b>Sangat Setuju</b>	<b>25</b>	<b>9.4</b>	<b>100.0</b>
Total	265	100.0	

Jadual 4.8 : Pihak komuniti kurang senang apabila kawasan kediaman menjadi kawasan tumpuan umum

(Sumber: Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan jadual 4.8 diatas, majoriti seramai 119 atau (44.9%) responden memilih ‘tidak setuju’ dengan pernyataan yang disediakan di dalam borang soal selidik. Walaubagaimana pun, jika dilihat pada aliran graft ini agak berbeza dengan sebelumnya, dimana skala yang berlawanan dengan kenyataan diatas ‘tidak pasti’ seramai 52 orang (19.6%), ‘setuju’ seramai 40 (15.1%) dan seramai 25 (9.4%) ‘sangat bersetuju’ dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan walaupun data jelas menunjukkan responden yang memilih ‘tidak setuju’ unggul, namun apabila dilihat pada taburan data kedua tertinggi ‘tidak pasti’, ‘setuju’ dan ‘sangat setuju’ jika di jumlahkan adalah seramai 117 posisi jumlah mendekati dengan bilangan ‘tidak setuju’ seramai 119 orang. Oleh sebab demikian, pengkaji melakukan tindakkan susulan untuk mengenalpasti punca berlakunya berbezaan ini.

Selepas melakukan tinjauan dan temubual di kawasan kajian, pengkaji mendapat sedikit input dimana, segelintir penduduk berasa kurang senang atas beberapa faktor.

Antaranya menurut informan ini yang salah seorang daripada penduduk kampung bersetuju menjelaskan soalan temubual yang saya berikan.

Kena faham,, dekat sini kawasan kampung, luar bandar. Kebanyakkan orang yang berumur je tinggal kat sini, sudah la kawasan rumah kami menjadi kawasan lalu lalang kenderaan, cuba la kamu bayangkan kalau bergerombolan datang, kan tak ade privacy, jalan pun sempit. Kalau jalan dilebarkan pun sangat pasti tanah kami akan menjadi mangsa.

(R3 29 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan pada petikan daripada informan di atas, ia menunjukkan jelas bahawa jika Bandar Lama Diraja Jugra ini dijadikan sebagai Pusat Pelancongan, segelintir penduduk menganggap akan berlaku impak sosial dimana akan menganggu keselamatan keluarga mereka. Seperti biasa, alasan dan hujahan yang dikemukakan adalah keadaan sekitar Bandar Lama Jugra ini adalah sempit dan merupakan kawasan pedalaman dimana bagi mereka tidak sesuai untuk dijadikan pusat tumpuan masyarakat luar terutamanya pelancong asing. Seterusnya, masalah berlaku pertukaran pemilikan tanah juga menjadi keghusaran mereka kerana majoriti tanah yang mereka miliki adalah ladang kelapa sawit, kebun tersebut sangat berdekatan dengan elemen warisan.

Setelah menerima maklum balas daripada informan tersebut, pengkaji cuba menemu bual informan Encik Abdul Rauf Bin Abd Latif, selaku penolong pegawai perancangan bandar dan desa bagi menjawab percanggahan yang ada.

‘Seperti yang saya maklumkan sebelum ini, terdapat juga beberapa penduduk yang tidak bersikap terbuka dan hanya fokus pada diri masing-masing sahaja. Kita sedia maklum bahawa, elemen warisan di Jugra ini berselerak dan majoritinya sangat dekat dengan kawasan perumahan penduduk dan tanah mereka. Apa yang saya sedia maklum, mereka khuatir jika adanya pembangunan secara besar-besaran di sini, sedikit banyak akan mengorbankan kawasan persekitaran mereka’

(R2 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa, masalah ini haruslah dibendung dari awal sebelum ia nya melarat di kemudian hari. Hal ini kerana majoriti penduduk kampung bukan bersetuju dengan pembangunan pelancongan di kawasan mereka, namun mereka lebih khawatir jika pelancongan pesat tersebut akan menjelaskan harta milik peribadi mereka terutamanya tanah. Pihak berkepentingan iaitu Majlis Daerah Kuala Langat yang dilantik sebagai orang tengah diantara komuniti hendaklah menyelesaikan permasalahan ini dengan melakukan komunikasi dua hala bagi melestarikan dan mengangkat semua elemen warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra.

#### **4.5.1 Persepsi Komuniti terhadap aktiviti pelancongan sedikit sebanyak akan mengganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat**

<b>Aktiviti pelancongan sedikit sebanyak akan mengganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat</b>			
	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Terkumpul
Sangat Tidak Setuju	21	7.9	7.9
Tidak Setuju	127	47.9	55.8
Tidak Pasti	44	16.6	72.5
Setuju	49	18.5	90.9
Sangat Setuju	24	9.1	100.0
Jumlah	265	100.0	

Jadual 4.9: Aktiviti pelancongan sedikit sebanyak akan mengganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat

(Sumber: Kajian lapangan 2021)

Taburan data pada rajah 4.9 diatas, data menunjukkan seramai 127 orang responden (47.9%) majoriti memilih skala ‘tidak setuju’ bahawa pelancongan akan menganggu keamanan dan keselamatan komuniti setempat. Walaubagaima pun, seperti graf sebelum ini, pada kenyataan ini juga menunjukkan bahawa bilangan komuniti yang ‘setuju’, ‘tidak

pasti' serta 'setuju' sangat memberi kesan terhadap pembangunan pelancongan di kawasan kajian. Jika di lihat daripada awal, persepsi komuniti terhadap keselamatan amat mengusarkan mereka kerana melibatkan kedatangan masyarakat dan orang luar yang tidak dikenali. Perkara ini tidak akan menjadi masalah jika setiap elemen warisan yang ada di kawasan Jugra ini jauh daripada kawasan penduduk.

#### **4.5.2 Pembangunan industri pelancongan di kawasan saya akan menyebabkan berlakunya kes jenayah**

<b>Pembangunan industri pelancongan di kawasan saya akan menyebabkan berlakunya kes jenayah</b>			
	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Peratusan Terkumpul</b>
Sangat Tidak Setuju	19	7.2	7.2
Tidak Setuju	132	49.8	57.0
Tidak Pasti	51	19.2	76.2
Setuju	46	17.4	93.6
Sangat Setuju	17	6.4	100.0
Jumlah	265	100.0	

Jadual 4.10: pembangunan industri pelancongan cenderung membuka peluang kearah kes jenayah

(Sumber: Kajian lapangan 2021)

Merujuk pada rajah 4.10 diatas, peratusan tertinggi adalah sebanyak (49.8%) mewakili 132 orang responden yang memilih 'tidak setuju' sekaligus menepis kenyataan soalan pengkaji. Seterusnya jumlah responden yang memilih 'tidak pasti' adalah seramai 51 orang yang menyumbang kepada peratusan sebanyak (19.2%). Manakala, seramai 46 atau (17.4%) orang responden memilih 'setuju' dengan ayat penyata pengkaji dan pada urutan ke empat, 'sangat tidak setuju' mewakili seramai 19 orang responden (17.4%) di ikuti dengan (6.4%) bersamaan dengan 17 orang responden yang memilih 'sangat setuju'.

Rajah 4.9 dan rajah 4.10 itu dan soalannya lebih kurang sama bahkan taburan datanya juga boleh dikatakan hampir. Hasil dapatan kajian berdasarkan kedua-dua rajah ini dapat disimpulkan bahawa meskipun bilangan yang tidak setuju lebih unggul, namun bilangan yang lain hampir sama. Kegelisahan segelintir penduduk mengenai pernyataan diatas telah menarik perhatian Majlis Daerah Kuala Langat dan mereka telah berikan beberapa pendapat mengenai taburan data tersebut.

Pembangunan pelancongan boleh berkembang jika semua pihak memberi kerjasama, namun walaupun majoriti penduduk di kawasan ini bersetuju ada sedikit kerisauan yang akan memberi masalah kepada pembangunan ini kerana sesetengah penduduk tidak memberi kerjasama kerana bimbang akan menjadikan keselamatan. Namun saya rasa tiada yang perlu di khawatirkan, kalau cakap pasal jenayah ini, mana-mana mesti ada, tapi seharusnya masyarakat tidak perlu ghusar, antara inisiatif pihak kami menjaga kawasan warisan ni, setiap pagi hingga ke pagi akan ada beberapa pegawai atau polis ditugaskan meronda sekitar kawasan ini. Kita pun ada sukarelawan yang terdiri daripada penduduk kampung yang sentiasa cakna dengan persekitaran. Jadi saya rasa itu bukanlah sesuatu kebimbangan yang besar.

(R1 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan petikan diatas, dapat dirumuskan bahawa walaupun majoriti penduduk kampung risau akan keselamatan yang bakal menimpa mereka, tetapi kenyataan tersebut di tepis oleh pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bahawa mereka seolah memberi jaminan terhadap keselamatan penduduk setempat. Tambahan pula, mereka telah berusaha dari sekarang untuk menangani kes jenayah dengan melakukan rondaan setiap masa pagi hingga malam dengan bantuan polis peronda dan penduduk kampung. Namun begitu, peranan pihak bertanggungjawab harus memaklumi penduduk dengan segala tindakan dan langkah keselamatan yang dilakukan agar semua penduduk sedia maklum dan sedikit sebanyak secara tidak langsung mengurangkan stigma negatif mereka.

Walaupun pada dasarnya kita kekurangan kaki tangan, tapi kita ada jadual dimana akan membuat pemantauan terhadap elemen warisan sekaligus menjalankan

aktiviti pemeliharaan dan pemeliharaan yang sewajarnya sebulan 1 kali. Kalau ikut peristiwa lepas, sebenarnya yang memusnahkan dan melakukan vandalism ni budak-budak kawasan sini juga. Misalnya dahulu istana lama jugra sering menjadi port budak nakal lepak dan melakukan jenayah, pejabat daerah lama yang ade dekat tepi bukit jugra tu, selalu juga jadi tempat budak-budak nakal, tapi selepas kita dah ketatkan rondaan, pagar sekeliling insyaAllah tak ada apa kot. Tambahan pula setiap tempat ada penjaga, seharusnya tiada isu lah.

(R2 17 November 2021, Kajian Lapangan 2021)

Petika di atas secara jelas memberitahu bahawa, penduduk kampung tidak perlu berfikir terlalu jauh akan kes jenayah yang bakal berlaku sehingga menjadi keghusaran yang melampau sehingga menjelaskan perkembangan elemen warisan di sekitar Bandar Lama Diraja Jugra. Berikutan kerana kes jenayah seperti vandalism, dadah, ponteng sekolah yang terjadi selama ini awalnya berasal dari penduduk sekitar ini juga dan telah berjaya di bendung oleh pihak bertanggungjawab sehingga tiada lagi setakat ini jenayah dilaporkan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini telah membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang diperolehi dan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan tersebut menyentuh keseluruhan topik yang dapat dilihat oleh pengkaji dimana terdapat bahagian-bahagian yang saling berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan cadangan yang perlu diketengahkan melalui kajian ini. Melalui perbincangan ini, pengkaji mampu mengulas dengan lebih mendalam secara kritis supaya dapat merungkaikan segala kekuatan dan kelemahan hasil daripada dapatan kajian. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, terdapat cadangan yang dinyatakan kepada pihak yang berkaitan bagi tujuan pihak berkepentingan menambahbaik segala aspek berkenaan dengan Bandar Lama Diraja Jugra Selangor sebagai pusat pelancongan supaya dapat memudahkan pihak yang terlibat mengambil pendekatan dan inisiatif memelihara dan memulihara Bandar Lama Diraja Jugra Selangor.

#### 5.1 Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulan daripada bab satu dalam kajian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian. Latar belakang pengkaji menetapkan di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor. Permasalahan kajian dikenalpasti bahawa pengurusan yang dilaksanakan oleh pihak berkaitan iaitu Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) dalam memelihara dan memulihara aset dan beberapa

pihak tertentu bagi memastikan Bandar Lama Diraja Jugra ini terus dikenali sebagai “Bandar Bersejarah” pada masa kelak.

Manakala pada Bab dua kajian ini pengkaji dapat mengumpulkan fakta dan kajian lepas yang dilakukan oleh penyelidik lain bagi memberi sumber rujukan kepada pengkaji. Tambahan pula, melalui kajian lepas berkenaan dengan elemen warisan, sejarah Jugra, pelancongan, pemeliharaan dan pemuliharaan, pihak berkepentingan dan teori sangat membantu pengkaji dari segi mengolah hasil dapatan kajian dan disokong oleh kajian lepas terdahulu sama ada dari sudut membuat perbandingan atau mencari masalah atau isu kajian dan memberi kefahaman yang mendalam kepada pengkaji berkenaan tajuk yang ingin di kaji.

Seterusnya, rumusan pada bab tiga adalah melalui metodologi kajian ini yang telah ditentukan dan dipilih oleh pengkaji dapat digunakan dalam teknik pengumpulan data. Pengurusan dan pemilihan kaedah penyelidikan yang bersesuaian telah membantu pengkaji dalam memperolehi dapatan kajian yang jelas dengan proses yang sistematik.

Akhir sekali, rumusan yang dapat dilakukan pada bab 4 ini adalah semua elemen yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor mempunyai potensi dan peluang yang cerah untuk dibangunkan sebagai sebuah desinasi pusat pelancongan warisan yang mana kajian mendapati iaitu majoriti responden menyokong (53.2%) usaha perlindungan warisan yang terdapat di kawasan kajian. Kajian ini juga mengenal pasti kekuatan kawasan kajian yang memiliki sumberjaya warisan budaya dan semula jadi merangkumi elemen fizikal yang berbukit-bukau, hutan simpan, sungai, hutan paya bakau, flora dan fauna yang berupaya menjadi produk tarikan pelancong sama ada tempatan dan luar negara. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan kepada pihak berkepentingan untuk meneliti, meneroka kawasan kajian secara terperinci dan merangka pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan masyarakat untuk menarik minat pengunjung sekaligus

mempromosikan elemen warisan yang ada di Bandar Lama Diraja Jugra. Namun begitu, hasil penyedlikan mendapati tahap penjagaan elemen warisan di kawasan kajian masih lagi tidak memuaskan dan hanya beberapa bangunan sahaja di pulihara disebabkan oleh kekurangn dana, penindihan kerja, kekurangan tenaga pakar dan sebagainya sehingga kurang mendapat sambutan daripada pengunjung. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa untuk mengangkat elemen warisan di kawasan tersebut, pihak bertanggungjawab khusunya Jabatan Warisan Negara (JWN), PADAT dan Juga pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKL) hendaklah melakukan penyelenggaraan infrastruktur serta melakukan kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan secara menyeluruh terhadap kesemua tapak warisan, bangunan-bangunan dan lain-lain lagi secara serius dan telus kerana kesemua elemen warisan tersebut mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Namun begitu, untuk menjadikan Bandar Lama Diraja Jugra sebagai pusat pelancongan yang dikenali ramai, persepsi dan penglibatan komuniti dalam projek ini haruslah diberi perhatian yang khusus. Hal ini kerana, hasil kajian mendapati segelintir komuniti masih khuatir terhadap impak sosial yang bakal berlaku kepada mereka seperti kes jenayah dan status pemilikan tanah persendirian mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepada pihak bertanggungjawab khusunya pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKL) bekerjasama dengan ketua kampung dengan melakukan komunikasi dua hala. Misalnya segala tindakkan penambahbaikan, perubahan dan sebagainya, ketua kampung perlu diserta kan supaya dapat menyalurkan maklumat tersebut kepada penduduknya agar kerisauan mereka terjawab.

## RUJUKAN

- A. Ghafar Ahmad.2000. Pemuliharaan dan Pengurusan Bangunan Warisan di Malaysia. Seminar Warisan dan Pelancongan: Ke Arah Pengurusan Lestari. Langkawi, Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Abdul Razak Chik, Shaharuddin Tahir.2000. Budaya dan Warisan Negara Sebagai PemangkinKepada Pelancongan Lestari.Seminar Warisan dan Pelancongan: Ke Arah Pembangunan Lestari. Langkawi, Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Aidatul Fdzlin, N. A. (2012). Menguruskan Aset Warisan. *Isu, Cabaran dan masa depan Bukit Jugra yang Bersejarah di Selangor*, 6-8.
- Adnan Jusoh (2018). Pembaharuan dalam pentadbiran negeri selangor sepanjang tempoh pemerintahan sultan abdul samad di jugra, 1857-1898.
- Blondal (2003). Accrual accounting and budgeting: Key issues and recent developments. OECD Journal on Budgeting , 3, 1. Department for Communities and Local Government, UK.(2010). Planning Policy Statement 5 (PPS5): Planning for the historic environment. United Kingdom: DCLG.
- Boyatzis, Richard. (1998). Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development.
- Buhalis, D., & Law, R. (2008). Progress in informationtechnology and tourism management:
- 20 years on and10 years after the Internet— The state of Tourismresearch.Tourism Management
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Dewan Edisi Kempat.
- Er Ah Choy. 2013. Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancongan. Malaysian Journal of Society and Space 9(3): 12-23.
- Fatimah Hassan, Fauziah Che Leh.2010. Pembangunan Pelancongan Lestari di Felda

- Gugusan Trolak: Satu Analisis. Bab 978-983-3759-50-7 dalam Isu-isu Semasa Alam Sekitar Manusia di Malaysia, oleh Fauziah Che Leh & Mazdi Marzuki Yazid Saleh, 79-98. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fauziah Che Leh, N. K. (2009). Konsep pemaaran tempat dan Kepentingannya dalam Sektor Pelancongan . *Kajian Kes di Bandar Diraja Kuala Kangsar Perak*.
- Ibrahim, Y. (2001). Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti Nelayan di Pulau Redang. *Akademika*, 59(1).
- <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/2951/1883>
- Jabatan Perangkaan Malaysia.2013. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara. 2006. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara
- Kuala Langat District Council. (2009). Kuala Langat Draft Local Plan 2020. Kuala Langat: MDKL.
- MDKL, Majlis Daerah Kuala Langat. 2013. Buku Rancangan Tempatan 2020, Kuala Langat
- Mohamed Anwar Omar Din. 2008. Pelancongan-budaya: konsep dan profil di Malaysia. *Jurnal Melayu* 3
- Mohamad Zaki, A., Johan Afendi, I., & Hood, M.S. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai dentinasi pelancongan warisan: Penerapan konsep pembangunan pelancongan lestari.Prosiding PERKEM.
- Nooridayu Ahmad (2012). Menguruskan Aset Warisan. *Isu, Cabaran dan masa depan Bukit Jugra yang Bersejarah di Selangor*, 10-14.
- Negara, J. W. (2012). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. 1–57.
- Yazed Saleh, M. S. (2019). Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar:

- Kes Majlis Perbandaran Taiping.
- Yuszaidy Mohd Yusoff<sup>1</sup>, H. D. (2013). Perlindungan Harta Warisan. *Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan dalam Pembangunan Negara*.
- MOHAMAD, M. S. (2013). Pengaruh Wrisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi.
- Nur Atiqah Kamarus Zaman, H. A. (2014). Penglibatan Penduduk dalam Pembangunan Pelancongan Putrajaya. 11-15.
- Norlida Hanim Mohd Salleh, M. S. S. & S. H. M. I. (2017). Komuniti Pulau Tioman (The Impact of Tourism Development on Humanity Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekitaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman. Akademika 87, November, 49–62.
- Ramli, S. S. (2015). Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan di Bandar Hilir Melaka: Analisis SWOT. 9-11.
- Ramli, Z. R. (2015). Prospek Projek Pembangunan Pelancongan Warisan di Bukit Jugra Dalam Perspektif Arkeo dan Eko-Pelancongan.
- Razak, N.A. (2006) Pelancongan warisan: Tinjauan Global. Konsepsi dan kajian UUM Saidatulakmal Mohd & Fernandez, J.L. (2011). Old Cemeteries Public assessment on the conservation effort of Muhibbah cemetery. In Saidatulakmal Mohd, Azlinda Azman, Jamalludin Sulaiman & Fernandez, J.L. (eds), Multifaceted Aspects of Asian Heritage. Penang.School of Social Sciences USM
- Sajad, A.E., & Kaboudi, M. (2011). Community perception of tourism impacts and their participation in tourism planning: A case study of Ramsar, Iran. Procedia-Social and Behavioral Sciences, 36, 333 – 341.
- Scheyvens R (2000) Local Involvement in Managing Tourism. United Kingdom: Penerbit CABI, United Kingdom

- Wong, M. E. (2018). Kajian Perpustakaan Indikator Pelancongan Warisan.
- Ya'qob Salim Abdullah (2008). *Public Interpretation of Archeological Heritage and Archaeotourism in Sultanate of Oman*
- Yahaya, I. (2007). Komuniti Pulau dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir? (Island Community in Development Era: Are Marginalised or Had Marginalised?).
- Yazed Saleh, M. S. (2019). Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kes Majlis Perbandaran Taiping.
- Yuszaidy Mohd Yusoff<sup>1</sup>, H. D. (2013). Perlindungan Harta Warisan. *Keberkesanan Usaha Pemuliharaan dan Pemeliharaan dalam Pembangunan Negara*.
- Zainab Roslan, Z. B. (2015). Konseptualisasi Pelancongan Semiotik dalam pembangunan. 17.
- Zainab binti Roslan, Zuliskandar Ramli & Er Ah Choy. 2016. Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan di Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor: Satu Analisis SWOT, Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Budaya dan Bahasa di Alam Melayu Nusantara (ASBAM) ke-5, Fakultas Ilmu Budaya Universitas Hasanuddin.
- Zuliskandar Ramli. 2017. Heritage Tourism in Malaysia: Potential and Challenges. *The Social Sciences* 12(3): 431-440

## LAMPIRAN



Gambar 1: Keadaan terkini Istana Bandar Jugra yang tidak dipulihara

Sumber: Kajian Lapangan (2021)



Gambar 2: Keadaan Pejabat Daerah Lama yang tidak dipulihara

Sumber: Kajian Lapangan (2021)



Gambar 3: Papan Maklumat kepada pengunjung dan Keadaan terkini rumah api di Bukit Jugra

Sumber: Kajian Lapangan (2021)

## LATAR BELAKANG INFORMAN

### Informan 1

Nama	Puan Halimaton Binti Sakir
Peranan	penolong pegawai perancangan bandar dan desa
Tarikh/Hari Temubual	17 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	10.30 hingga 11.15 petang
Lokasi	Secara atas talian

### Informan 2

Nama	Encik Abdul Rauf Bin Abd Latif
Peranan	penolong pegawai perancangan bandar dan desa
Tarikh/Hari Temubual	17 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	2.30 hingga 3.00 petang
Lokasi	Secara atas talian

### Informan 3

Nama	Encik Ghazali Bin Ahmad
Peranan	Penduduk Kampung Bukit Jugra
Tarikh/Hari Temubual	10 November 2021 (Rabu)
Masa Temubual	10.30 hingga 11.15 pagi
Lokasi	Bukit Jugra

## TRANSKRIP TEMUBUAL

### 1. Elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra

#### a. Jenis elemen warisan di sekitar kawasan kajian

<b>Responden 1</b>	<p>Elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra terdiri daripada 2 kategori iaitu warisan ketara dan warisan semulajadi. Terdapat 15 elemen warisan yang telah dikenalpasti dan 6 tapak warisan telah diwartakan di negeri Selangor. Disebabkan demikian, saya percaya bahawa setiap elemen yang ada dikawasan Bandar Lama Diraja Jugra ini mampu membuka potensi pelancongan kearah pelancongan arkeologi dan ekologi</p>
--------------------	--

#### b. Tahap pendedahan elemen warisan kepada masyarakat

<b>Responden 1</b>	<p>Sebenarnya, seperti yang awak sedia maklum, tidak dinafikan lah.. Bandar Lama Diraja Jugra ni banyak warisan. Namun, banyak-banyak warisan, yang menjadi tarikan pengunjung hanya lah Bukit Jugra itu pun biasanya anak remaja yang <i>hiking</i>. Mungkin hanya itu menjadi tarikan pengunjung sekarang. Lagi pun pada pandangan saya, kawasan Bandar Lama Diraja Jugra ini dalam kawasan kampung dan tiada tarikkan berbanding dengan tempat warisan yang lain. Selain itu Mengikut kedudukan geologi, tapak bersejarah Jugra terletak di penghujung mukim. Mungkin ini merupakan salah satu sebab kawasan ini tidak membangun. Tambahan pula, jarak yang agak jauh di antara beberapa tapak bersejarah di Jugra dan dua bangunan warisan yang telah dipulihara pada masa sekarang iaitu Istana Bandar dan Masjid Alaeddin. Ini boleh menyebabkan elemen-elemen warisan ini sukar untuk dihubungkan. Pihak kita pun dah berusaha untuk menarik minat pengunjung, tetapi banyak faktor yang perlu kami kaji untuk melakukan pembaikan kerana Bandar Lama Diraja Jugra ni bukan melibatkan campur tangan satu pihak sahaja.</p>
--------------------	--

**c. Tahap penjagaan elemen warisan**

<b>Responden 1</b>	Pihak kami telah melakukan beberapa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan di beberapa tempat dekat situ. Berkenna dengan soalan awak kenapa pergi lama terbiar tanpa dirawat itu... sebenarnya, pihak kami dengan pihak ketiga pada tahun 2019 telah meninjau kawasan tapak pergi lama tersebut bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan tapi disebabkan kekangan tenaga pakar dan aspek lain, status projek konservasi dikawasan tersebut masih lagi dalam ‘tindakan lanjutan’.
<b>Responden 2</b>	<p>kerja-kerja pemberian struktur bumbung dan bumbung serta elamen-elemen bangunan yang diperbuat daripada bahan organik seperti kayu dan papan. Masalah kelembapan juga dirawat dengan menggunakan teknik penggunaan kokun dan suntikan bahan kimia. Kerja-kerja mengikis, merawat dan mengecat semula dinding, lantai dan siling turut dilaksanakan pada keseluruhan banguna</p> <p>Pihak kami telah melakukan beberapa langkah pemeliharaan dan pemuliharaan di beberapa tempat seperti kerja konservasi bangunan Istana Bandar dengan menjalankan rawatan penggaraman bagi mengurangkan kelembapan pada dinding bangunan selain itu, kami juga telah melakukan rawatan penggaraman dan kapilari air pada elemen warisan stor peluru Jugra.</p>
<b>Responden 3</b>	Sebahagian besar tanah di kawasan tapak warisan Jugra adalah hak persendirian individu (Pemilik tanah berbeza-beza di setiap lokasi). Setakat ini kami belum ada organisasi khusus yang memberi nasihat sebagai entiti individu. Oleh sebab demikian, sebahagian elemen warisan seperti Istana Lama, pergi lama tidak dipulihara dan di biarkan. Selain itu, kami juga kekurangan kepakaran maklumat dan pengetahuan penyelenggaraan dan kaki tangan
<b>Responden 3</b>	‘Hanya bangunan yang menjadi tumpuan sahaja kebiasaanya pihak tertentu juga. Walaupun sekarang kesemua elemen

	didedahkan kepada pengujung untuk pameran, namun ada setengah warisan dibiarkan begitu sahaja. Persekutaran kawasan pun jika dilihat penuh dengan semak samun. jangan kan pihak luar, kami sendiri pun rata-ratanya melihat bangunan yang terbiar seolah-olah tiada inisiatif elemen-elemen ini akan dijaga dengan lebih baik. Pintu gerbang masuk pun lusuh dan tiada daya tarikkan. Jika dilihat sejarah setiap elemen di Jugra ini boleh dikatakan setanding dengan elemen warisan yang ada di Melaka, namun kenapa Melaka lebih terkenal berbanding Jugra? Mungkin di Melaka mereka menjaga aset di sana dengan bersungguh-sungguh' Jadi kesimpulannya, permasalahan ini mungkin menyebabkan Bandar Lama Diraja Jugra ini tidak dikenali dan membangun bahkan tidak akan ada perubahan yang ketara
--	--

## 2. Pihak Berkepentingan yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan elemen warisan di Bandar Lama Diraja Jugra.

<b>Responden 1</b>	Terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam segala aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan elemen warisan seperti Jabatan Warisan Negara, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Majlis Perbandaran Kuala Langat
<b>Responden 2</b>	Selain daripada badan-badan Kerajaan yang telah di sebut oleh Puan Halimaton, tidak dilupakan juga pihak komuniti. Hal ini kerana pihak komuniti juga turur di libatkan seperti membuat rondaan bersama secara bergilir di sepanjang kawasan warisan.

### 3. Penglibatan komuniti terhadap pemeliharaan elemen warisan

<b>Responden 1</b>	Setakat ini, penglibatan komuniti sangat baik walaupun tidak semua berfikiran terbuka. Antara bentuk penglibatan mereka yang secara tidak langsung melayan para pengunjung dengan menceritakan sejarah kawasan tempat tinggal mereka. Selain itu, selain ada anggota polis yang sering membuat rondaan, pihak penduduk juga ada yang bersuka rela memantau kegiatan tidak sopan di kawasan ini
<b>Responden 2</b>	Di kampung ini ada penubuhan kelab kesukarelawan yang terdiri daripada anggota kampung itu sendiri. Kebiasaanya mereka akan meronda kawasan Jugra ini secara bergilir-gilir bersama dengan beberapa anggota polis. Komuniti ini mula terlibat awalnya kerana beberapa kes jenayah seperti sumbang mahram dan penagih dadah di kawasan atas Bukit Jugra dan di kawasan Istana lama yang terbiar.
<b>Responden 3</b>	Kita... bukan boleh lepas 100 peratus sahaja dekat pegawai, sebagai penduduk kampung kadang-kadang kita membantu jika diperlukan. Kadang-kadang kalua ada gotong-royong pun segelintir penduduk akan turut serta.

### 4. Isu Keselamatan terhadap pembangunan pelancongan.

<b>Responden 1</b>	Walaupun pada dasarnya kita kekurangan kaki tangan, tapi kita ada jadual dimana akan membuat pemantauan terhadap elemen warisan sekaligus menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemeliharaan yang sewajarnya sebulan 1kali. Kalau ikut peristiwa lepas, sebenarnya yang memusnahkan dan melakukan vandalisme ni budak-budak kawasan sini juga. Misalnya dahulu istana lama jugra sering menjadi port budak nakal lepak dan melakukan jenayah, pejabat daerah lama yang ade dekat tepi bukit jugra tu, selalu juga jadi tempat budak-budak nakal, tapi selepas kita dah ketatkan rondaan, pagar sekeliling insyaAllah tak ada apa kot. Tambahan pula setiap tempat ada penjaga, seharusnya tiada isu lah.
<b>Responden 2</b>	Pembangunan pelancongan boleh berkembang jika semua pihak memberi

	<p>kerja sama, namun walaupun majoriti penduduk di kawasan ini bersetuju ada sedikit kerisauan yang akan memberi masalah kepada pembangunan ini kerana sesetengah penduduk tidak memberi kerjasama kerana bimbang akan menjelaskan keselamatan. Namun saya rasa tiada yang perlu di khawatirkan, kalau cakap pasal jenayah ini, mana-mana mesti ada, tapi seharusnya masyarakat tidak perlu ghusar, antara inisiatif pihak kami menjaga kawasan warisan ni, setiap pagi hingga ke pagi akan ada beberapa pegawai atau polis ditugaskan meronda sekitar kawasan ini. Kita pun ada sukarelawan yang terdiri daripada penduduk kampung yang sentiasa cakna dengan persekitaran. Jadi saya rasa itu bukanlah sesuatu kebimbangan yang besar.</p> <p>Seperti yang saya maklumkan sebelum ini, terdapat juga beberapa penduduk yang tidak bersikap terbuka dan hanya fokus pada diri masing-masing sahaja. Kita sedia maklum bahawa, elemen warisan di Jugra ini berselerak dan majoritinya sangat dekat dengan kawasan perumahan penduduk dan tanah mereka. Apa yang saya sedia maklum, mereka khawatir jika adanya pembangunan secara besar-besaran di sini, sedikit banyak akan mengorbankan kawasan persekitaran mereka'</p>
<b>Responden 3</b>	<p>Kena faham,, dekat sini kawasan kampung, luar bandar. Kebanyakkan orang yang berumur je tinggal kat sini, sudah la kawasan rumah kami menjadi kawasan lalu lalang kenderaan, cuba la kamu bayangkan kalau bergerombolan datang, kan tak ade privacy, jalan pun sempit. Kalau jalan dilebarkan pun sangat pasti tanah kami akan menjadi mangsa.</p> <p>Pakcik ni...bukan tak suka kawasan rumah pakcik ni ada pelancongan, tapi kebanyakkan tanah di sini adalah milikkan persendirian, bukan apa lah risau juga kadang-kadang kalau setengah pihak terlalu ghairah kearah pembangunan, kemungkinan besar kedudukan kami juga dalam bahaya. Adik lihat lah, kawasan bersejarah dalam ini pun berselerak bukan dalam satu tempat, jalan kecil kadang-kadang kalau ramai orang masuk tidak selesa juga.</p>



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN